

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGKAL KEEMPAT
Fourth Session
MESYUARAT PERTAMA
First Meeting

Jilid IV	Bil. 14	Hari Isnin	20 April 1998
----------	---------	------------	---------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 (Ruangan)

USUL:

Anggaran Pembangunan (Tamb.)(Bil. 3) 1997 (Ruangan)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Ruangan)**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)

“ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)

“ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)

“ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)

“ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)

“ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

“ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)

Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)

“ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)

“ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

“ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)

“ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)

“ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)

“ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)

“ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)

“ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)

“ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

“ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

“ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)

“ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

“ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)

“ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

“ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)

“ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P.
(Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M.
(Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang
Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K.
(Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir
Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K.,
K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,
P.S.D., J.S.D., K.M.N.

Pemangku Ketua
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Puan Nor Hayatee binti Abdullah
: Haji Mustafa bin Abdul Rahman
: Puan Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Hajah Supiah binti Dewak
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 20 April 1998

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat)
mempengerusikan Mesyuarat]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

**Mesyuarat Dewan Rakyat -
Pembatalan Pada 27 April 1998**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini bahawa saya telah menerima saya perutusan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Majlis bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat supaya Mesyuarat Dewan Rakyat yang berjalan sekarang diberhentikan selama satu hari iaitu pada hari Isnin 27 April 1998. Pemberhentian ini dibuat berikutan Cuti Umum Maal Hijrah yang jatuh pada hari Selasa iaitu 28 April 1998.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Lau Ngan Siew.

[Soalan No. 1 - Y.B. Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan] tidak hadir]

KEMALANGAN JALAN RAYA - LANGKAH PENGURANGAN

2. **Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah kementerian sedar langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kemalangan jalan raya adalah tidak efektif dan apakah langkah-langkah lain yang perlu diambil untuk tujuan yang sama.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya usaha-usaha yang telah dijalankan untuk menangani isu kemalangan jalan raya melalui pendekatan 3P (pendidikan, kejuruteraan dan penguatkuasaan) adalah berkesan terutama dalam menyampaikan mesej-mesej akan betapa pentingnya sifat bersopan, bertimbangrasa, berhati-hati dan mematuhi peraturan lalu lintas diamalkan.

Namun demikian, terdapat segelintir pengguna jalan raya yang ingkar dan mengambil risiko semasa di jalan raya. Golongan inilah yang sering terlibat dengan kemalangan jalan raya pada setiap masa. Dalam pada itu, faktor pertambahan penduduk, pertambahan kenderaan serta pertambahan kilometer jalan menyebabkan pertambahan jumlah pergerakan kenderaan di jalan raya secara langsung telah meyumbang kepada peningkatan angka kemalangan jalan raya.

Usaha bagi menangani isu kemalangan jalan raya melalui pendekatan 3P ini akan diteruskan dengan memberi tumpuan kepada isu kemalangan yang melibatkan penunggang, pembonceng motosikal. Ini adalah kerana penunggang dan pembonceng motosikal merupakan golongan yang paling terdedah kepada kemalangan jalan raya.

Di samping itu, saya ingin juga memaklumkan bahawa beberapa tindakan telah pun ditambah oleh kementerian bagi mengurangkan berlakunya kemalangan dan akhirnya akan menyebabkan kematian, cedera parah ataupun

cedera ringan. Antaranya adalah kempen khusus untuk penunggang motosikal seperti yang saya sebutkan sebentar tadi:

- (i) mewajibkan supaya bas-bas ekspres dan bas pelancong menggunakan kotak hitam mulai 1 Spetember 1998;
- (ii) lori-lori yang membawa muatan lebih perlu memasang laci di belakangnya mengikut had yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kemalangan apabila berlaku pelanggaran daripada belakang;
- (iii) memperkenalkan kurikulum baru sekolah memandu oleh JPJ yang telah pun bermula pada awal bulan April ini; dan
- (iv) untuk mengenakan hukuman-hukuman yang lebih berat kepada pesalah-pesalah lalu lintas.

Antaranya adalah seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tempoh hari bahawa kepada pelumba-pelumba haram yang biasanya adalah terdiri daripada penunggang motosikal supaya mereka jika didapati bersalah dikenakan penjara mandatori.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa hukuman penjara yang telah dijatuhkan oleh mahkamah pada bulan Februari atau bulan Mac yang lepas sehingga seorang yang didapati bersalah yang menyebabkan kematian beberapa orang telah dihukum tiga tahun penjara dan satu kes lagi empat tahun penjara, nampaknya telah dapat mengurangkan sedikit jumlah kemalangan bagi tahun 1998 ini.

Saya suka menyatakan bahawa jumlah kematian pada bulan Januari 1998 akibat kemalangan jalan raya ataupun kecelakaan jalan raya ialah 595, pada bulan Februari 1998 telah turun kepada 528 dan pada bulan Mac telah turun lagi kepada 487, tetapi pada bulan April ini daripada pengamatan saya dalam akhbar nampaknya banyak juga kematian telah berlaku, jadi kita bimbang mungkin bulan April ini akan naik balik, kerana itu kementerian sentiasa

mengalu-alukan hukuman-hukuman berat oleh mahkamah dari masa ke semasa. Dengan ini akan dapat menggerunkan kepada mereka yang sentiasa tidak menghormati peraturan jalan raya.

Saya ingin memaklumkan sekali lagi bahawa pada tahun 1997 kita telah dapat mengurangkan sedikit jumlah kematian di jalan raya daripada 6,304 pada tahun 1996 kepada 6,287 pada tahun 1997 iaitu ada sedikit kemajuan.

Bagi kes-kes cedera parah juga ada sedikit kemajuan telah berlaku pada tahun 1997 iaitu sebanyak 14,108 jumlah cedera parah berbanding 14,218 pada tahun 1996, ini membuktikan bahawa ada kemajuan buat kali pertamanya dalam sejarah kecelakaan jalan raya di negara kita ada kemajuan baik berbanding dengan tahun-tahun yang lepas, itu tahun 1997 berbanding dengan tahun 1996 dan kita harap pada tahun 1998 ini kemajuan selanjutnya akan dapat dicapai.

Tuan Yunus bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucap tahniah dan syabas kepada kementerian yang tak serik dengan perancangan dan juga program-program ke arah mengurangkan kemalangan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri, kita mempunyai beberapa bilangan Majlis Keselamatan Jalan Raya di peringkat negeri, jadi, saya ingin tahu apakah target ataupun perancangan MKJR negeri-negeri ini ke arah mengurangkan kadar kemalangan maut terutamanya dan adakah mereka telah mencadangkan satu sasaran iaitu kemalangan maut sifar umpamanya di dalam operasi mereka bagi membanteras penjenayah jalan raya dan mengurangkan kadar kemalangan maut ini.

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, target kementerian ataupun kerajaan yang telah pun ditetapkan oleh Kabinet semenjak tahun 1989 ialah untuk mengurangkan 30% daripada angka kematian yang diramalkan jika tidak ada satu-satu pun tindakan dilakukan menjelang tahun 2000. Jika tidak ada apa-

apa kempen ataupun tindakan, pakar-pakar keselamatan jalan raya telah pun meramalkan bahawa kematian di jalan raya Malaysia akan menjejak 9,000 orang lebih, tetapi dengan dilakukan kempen kita harap akan dapat potong 30% iaitu kurangkan hingga 6,300 orang.

Walau bagaimanapun, untuk tahun 1996 kita telah mencapai angka ini kerana itulah sekarang ini semua MKJR negeri dan juga kebangsaan semua pihak sekarang ini sedang bekerja keras supaya angka 6,300 ini tidak meningkat dan pada tahun lepas alhamdulillah ia dapat diturunkan kepada 6,287. Inilah target kita yang telah kita tetapkan dan kesemua ini yang sedang dibuat adalah untuk menuju mencapai matlamat mengurangkan 30% daripada ramalan yang telah diramalkan oleh pakar-pakar.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian atas usaha-usaha untuk menangani masalah kemalangan jalan raya termasuk kempen-kempen, kursus-kursus dan sebagainya. Tetapi dari angka-angka yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kes-kes kemalangan masih amat membimbangkan. Jadi, saya ingin tahu sama ada kementerian telah pun mengadakan satu kajian yang lebih menyeluruh dengan pakar-pakar negara asing supaya dapat mengurangkan kes kemalangan jalan raya di negara kita ini. Kalau ada, adakah kajian ini telah pun ada satu laporan dan bilakah ianya akan dilaksanakan?

Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian dengan pakar-pakar luar negara memang telah diadakan pada tahun 1997 dan juga pada tahun 1996 yang mana perbincangan ini telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri termasuk pakar-pakar dari Eropah dan juga daripada Asia. Hasil daripada perbincangan inilah maka beberapa peraturan baru telah pun diperkenalkan dan nampaknya walaupun telah diperkenalkan, tetapi belum lagi dapat memberi

kesan yang kuat kepada mereka yang tidak menghormati peraturan jalan raya, kerana itulah maka hari ini kita sedang memperkuatkan lagi undang-undang supaya deterrent sentence dapat dijatuhkan kepada pesalah-pesalah, termasuk yang terakhir yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu untuk mengenakan hukuman jel mandatori dan juga sebat kepada penunggang-penunggang motosikal haram dan juga penganjur-penganjur lumba haram.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

[Soalan No. 3 - Y.B. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] tidak hadir]

PENJUALAN AIR - JAMINAN HARGA DAN KUALITI

4. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Kesihatan menyatakan tindakan kawal seliaan, kekerapan dan penguatkuasaan terhadap jualan berjenis-jenis air seperti, air mineral, air ionised, air distilled, air minuman dan sebagainya supaya kualitinya adalah terjamin dan harganya berpatutan.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peruntukan Peraturan-peraturan Makanan 1985, jenis air dibahagikan kepada tiga kumpulan seperti berikut:-

- (i) air mineral semula jadi;
- (ii) air minuman berbungkus;
- (iii) air ais dan wap; dan
- (iv) air ionised dan air distilled termasuk dalam kumpulan air minuman berbungkus kerana air ionised dan air distilled adalah cara memproses atau rawatan air berkenaan.

Berikutan dengan amaran keras dan pemantauan yang rapi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, keadaan sekarang adalah memuaskan. Setakat ini sejumlah 460 sampel air mineral semula jadi telah diambil dan hanya dua sampel yang didapati tidak menepati piawaian.

Tindakan kawal seliaan, kekerapan dan penguatkuasaan supaya kualitinya terjamin adalah berdasarkan peruntukan 360A untuk air mineral semula jadi dan 360B untuk air minuman berbungkus. Pengawasan harga adalah dibidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

PEMBEDAHAN PLASTIK KECANTIKAN - DOKTOR YANG TIDAK BERTAULIAH

5. **Tuan Vincent Lim Kuo Phau [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) adakah kementerian sedar bahawa pakar-pakar bedah plastik di Kongres Asean Pembedahan Plastik ke-9 di Pulau Pinang telah memberi amaran kepada mereka yang berjumpa dengan orang-orang yang tidak berkelayakan terutamanya pakar kecantikan untuk menjalankan pembedahan plastik seperti rekonstruksi hidung, rekonstruksi buah dada, rekonstruksi lapisan mata oleh orang-orang yang bukan doktor dalam negara dan/atau adakah kementerian sedar bahawa orang-orang yang bukan doktor telah menjalankan aktiviti-aktiviti tersebut di dalam negara ini; dan
- (b) jika demikian, adakah undang-undang mencukupi untuk melindungi orang awam dan jika ada, apakah undang-undang yang sedia ada.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak kementerian sedar tentang amaran yang dibuat oleh Kongres Pembedahan Plastik ASEAN Ke-9 tersebut kepada mereka yang mendapatkan rawatan dari orang yang tidak berkelayakan untuk menjalankan amalan pembedahan mahupun amalan perubatan seperti seorang

pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 serta berkelayakan.

Orang-orang awam perlu diperingatkan dari masa ke semasa supaya mendapatkan rawatan perubatan daripada pengamal perubatan yang berkelayakan dan berdaftar kerana bagi menjalankan rawatan atau pembedahan memerlukan kelayakan yang sesuai serta pengalaman yang mencukupi. Adalah menjadi kesalahan terhadap Akta Perubatan 1971 di bawah Seksyen 33(1)(e) jika seseorang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta Perubatan 1971 menjalankan amalan perubatan dan pembedahan seperti ianya seorang pengamal yang berdaftar.

- (b) Orang awam boleh membuat aduan kepada pihak kementerian sekiranya terdapat amalan orang yang tidak berdaftar dan berkelayakan menjalankan amalan perubatan atau pembedahan tersebut. Amalan yang menyalahi Akta Perubatan 1971 boleh didakwa dan jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM2,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan kedua atau lebih boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesalahan bagi pengamal perubatan yang tidak berkelayakan, setakat ini berapa banyakkah pihak kementerian telah mengambil tindakan dan apakah tindakan yang dikenakan dan di samping itu adakah doktor-doktor, bila disebutkan ‘doktor’ ini adalah orang yang yakin dan boleh memberi perkhidmatan

perubatan termasuk Dato' Dr. Affifudin sendiri. *[Ketawa]* Dan adakah pengamal homeopati juga dianggap sebagai doktor? Dan di samping itu juga adakah pengamal-pengamal tukang gigi mempunyai kelayakan untuk merawat pesakit-pesakit gigi?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada lagi tindakan yang dikenakan terhadap kesalahan yang dibuat di dalam soal ini. Mengenai kesalahan - kesalahan sebenarnya boleh berlaku pada dua jenis pengamal:

- (i) orang yang tidak cukup kelayakan tetapi berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan
- (ii) orang yang bukan berdaftar iaitu mereka yang dianggap tidak mempunyai kelayakan pengamal perubatan tetapi melakukannya seperti juru kecantikan ataupun mereka yang mengamalkan dalam perubatan tradisi dan sebagainya.

Namun demikian, setakat ini kita tidak menganggapan bahawa homeopati itu boleh diiktiraf sebagai doktor kerana mereka ini harus berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Sebab itulah dari segi mereka yang melanggar etika kerja profesional, mereka boleh membuat aduan kepada Majlis Perubatan Malaysia supaya nasihat boleh diberikan bagaimanakah tindakan-tindakan boleh dikenakan atau apakah jalan atau langkah yang boleh diambil sama ada bagi mereka yang telah melanggar kod etika pekerjaan/profesion mereka ataupun boleh mengambil tindakan secara sivil.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain daripada undang-undang yang sedia ada untuk mengawal penampalan pembedahan plastik, adakah pihak kementerian mengadakan kempen untuk memberi kesedaran kepada rakyat jelata terutama

kepada wanita tentang keberbahayaan dan komplikasi yang boleh berlaku kalau pembedahan plastik dibuat oleh orang-orang yang tidak layak.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kesihatan sentiasa memberi ingatan dan mengingatkan kepada mereka terutamanya kaum wanita untuk sentiasa mendapatkan nasihat daripada pakar dan tidak dengan sewenang-wenangnya pergi kepada sesiapa yang boleh menjamin untuk memberi pemulihan ataupun kecantikan.

Jadi, yang lebih baik ialah bagi mereka ini membuat semakan tentang kelayakan yang profesional dan cara membuat semakan tentang kelayakan profesional ialah untuk merujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia dan selain dari itu boleh juga pergi kepada kementerian untuk mendapat nasihat daripada mana-mana pakar seperti pakar kulit dan sebagainya untuk mendapatkan cara yang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said.

[Soalan No. 6 - Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said [Kuala Nerus] tidak hadir]

KEMPEN MEMBELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA - KEJAYAAN

7. **Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang [Marang]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan setakat manakah keberkesanan kerajaan di dalam kempennya untuk membeli barangan buatan Malaysia. Apakah langkah-langkah positif yang diambil oleh kerajaan dan seluruh agensinya untuk menjayakan kempen tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan nombor 9 yang

dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Senai oleh kerana kedua-dua soalan menyentuh perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, sejak bermulanya kegawatan ekonomi negara ini, pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta dan juga parti politik telah terlibat dengan Kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia. Kerajaan memang menggalakkan dan menyokong segala usaha pihak-pihak tertentu dalam menjalankan dan menjayakan Kempen Membeli Barangan Buatan Malaysia. Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk menilai kempen itu dari segi keberkesanannya. Sungguhpun begitu, sambutan bagi pameran dan jualan buatan Malaysia adalah baik dan sungguh menggalakkan.

Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan bagi menjayakan kempen tersebut ialah mengarahkan supaya pegawai-pegawai kerajaan yang layak diberi kenderaan akan diperuntukkan dengan kereta Proton dan tidak lagi kereta Volvo atau Mercedes. Kementerian ini telah juga menyediakan satu senarai barangan buatan Malaysia untuk menyedarkan pengguna mengenai barangan buatan Malaysia. Tambahan pula kementerian ini juga sedang menganjurkan beberapa siri seminar dan pameran berkenaan barangan buatan Malaysia bagi meningkatkan kesedaran pengguna berkenaan barangan tersebut.

Sebagai satu langkah lagi untuk menggalakkan barangan tempatan, kementerian akan memperkenalkan logo barangan buatan Malaysia yang akan dilancarkan tidak lama lagi. Pihak kementerian telah mengadakan perbincangan dengan Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan mereka menyokong langkah-langkah kerajaan untuk menjayakan kempen.

Dalam usaha kerajaan mempromosikan “Barangan Buatan Malaysia” ia telah mengarahkan supaya pasarraya-pasarraya dan pasar-pasar mini menandakan barangan buatan Malaysia pada rak-rak yang mempamerkan

barangan buatan Malaysia. Tindakan ini adalah untuk memudahkan pengguna mengenal pasti dan memilih barangan buatan Malaysia.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kementerian ini sedang mengkaji pindaan kepada Perintah Penandaan 1980 bagi memastikan bahawa harga runcit yang disyorkan (recommended retail price) dicetak pada barangan yang sedia dibungkus agar para pengguna dapat membeli barangan pada harga yang berpatutan dan tidaknya pada harga yang berlebihan.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Barangan buatan Malaysia juga dipengaruhi oleh keadaan inflasi dan perkembangan ekonomi negara. Sejauh manakah barangan buatan tempatan itu dapat dikawal dan dijadikan galakan untuk membendung inflasi?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, barangan buatan Malaysia sentiasa diawasi oleh kementerian dan dengan barangan yang diimport. Sebenarnya, barangan importlah yang memberi kesan yang keterlaluan kepada inflasi dan bukanlah barangan buatan Malaysia. Walau bagaimanapun, kementerian akan terus mengawasi keadaan.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya memang bersetuju tentang kita menggunakan barangan Malaysia, pen saya ini pun adalah buatan Malaysia daripada kayu tembusu sahaja. *[Sambil menunjukkan pen tersebut][Ketawa]* Saya ingin tahu, tidakkah merbahaya kalau negara kita berkempen membeli barangan Malaysia dan semua negara kempen membeli barangan mereka sendiri, di manakah kita hendak pergi buang barang-barang yang kita buat di factory kita yang bertambah itu?

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kita menghadapi satu masalah yang luar biasa iaitu kegawatan ekonomi negara dan perkara ini bukanlah selalu berlaku. Oleh kerana itu, kita perlu mengambil tindakan-tindakan yang tertentu bagi mengatasi keadaan. Dan dalam membeli barangan

buatan Malaysia ini bukan bererti kalau tidak ada pilihan lain, kalau negara kita sendiri tidak mempunyai barangan, kita tidak ada pilihan melainkan mengimport barang-barang itu. Begitu juga dengan negara-negara yang lain, kalau mereka tidak ada semua barang, mana-mana negara pun perlu import daripada negara asing oleh kerana mereka tidak mempunyai keseluruhan barang-barang atau perkhidmatan yang diperlukan.

KEMPEN MENANAM SAYUR-SAYURAN DAN MEMELIHARA TERNAKAN - KEJAYAAN

8. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Pertanian menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia telah menggalakkan rakyat untuk menanam sayur-sayuran dan memelihara ternakan, sejauh manakah kempen ini berjaya menggalakkan rakyat berbuat demikian kerana terdapat hanya segelintir sahaja rakyat terlibat menanam pokok cili secara besar-besaran seperti dilaporkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat berikut sekali gus oleh kerana kesemuanya menyentuh perkara yang sama.

- (i) Yang Berhormat Datuk Abu Seman bin Haji Yusof dari Alor Gajah pada 20 April 1998;
- (ii) Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan dari Baram pada 20 April 1998;
- (iii) Yang Berhormat Dr. L. Krishnan dari Teluk Kemang pada 29 April 1998; dan
- (iv) Yang Berhormat Datuk Song Swee Guan dari Bandar Kuching pada 7 Mei 1998.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Baik.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah mengenal pasti beberapa langkah untuk mempertingkatkan

pengeluaran makanan dan mengurangkan import. Salah satu daripada langkah yang telah dikenal pasti ialah menggalakkan orang awam dan institusi awam mengeluarkan makanan. Kempen secara agresif melalui media massa, surat-surat khabar, radio dan televisyen untuk menggalakkan orang ramai serta pihak swasta menceburi bidang makanan telah dilaksanakan. Kursus bagi orang awam juga adalah digalakkan bagi menanam sayur-sayuran di persekitaran rumah dan di institusi seperti sekolah, hospital, pusat serenti, penjara dan di lain-lain kawasan lapang mereka.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Pertanian telah menjual takung hidroponik dan benih sayur-sayuran dan memberi khidmat nasihat kepada orang awam dan institusi berkenaan dalam usaha menggalakkan sambutan Kempen Penggalakan Pengeluaran Makanan adalah sangat menggalakkan.

Sejak bulan Disember 1997 sehingga awal bulan Mac 1998 ini Jabatan Pertanian telah dapat menjual lebih kurang 5,000 unit takungan hidroponik dan kira-kira 8,496 paket benih.

Bagi penternakan pula, 30 ladang dan 300 kelompok peneroka FELDA telah menggunakan sistem integrasi ternakan lembu dan bebiri dalam ladang tanaman kekal dan telah dapat menternak 114,000 ekor lembu.

Selain daripada itu, Kementerian Pertanian juga sering menerima pertanyaan dari orang awam dan pihak swasta tentang peluang dalam bidang pengeluaran makanan. Oleh kerana sambutan yang menggalakkan ini, Kementerian Pertanian akan meneruskan kempen ini. Buat masa sekarang belum ada rancangan di peringkat kementerian untuk melancarkan secara rasmi program susulan Buku Hijau yang telah dicadangkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, adalah memadai peningkatan penggalakan pertanian dan makanan ini dibuat melalui program-program mengenainya seperti yang terdapat dalam media massa.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu setelah kerajaan mencadangkan – sekarang ini kerana kegawatan ekonomi syarikat-syarikat besar yang melibatkan diri dalam harta tanah – rumah-rumah tidak boleh dijual dan sebagainya supaya melibatkan diri dalam bidang pertanian komersial. Jadi, sejauh manakah sambutan yang kita dapat daripada syarikat-syarikat ini dan apakah perancangan kerajaan juga apabila semua orang mula menanam sayur dan sebagainya, mungkin downstream, apakah rancangan kerajaan, mungkin sayur akan banyak, FAMA akan memasarkan tetapi yang berlebihan itu apakah rancangan kerajaan untuk memastikan sayur-sayuran berlebihan ini dapat kita mengatasi dengan mengeksport ataupun membuat downstream yang lain?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengenal pasti beberapa tempat yang telah disarankan sebagai tempat untuk bertanam sayur-sayuran. Yang telah datang kepada kita ialah Proton City, sebahagian kawasan telah diagihkan kepada penanam misalnya pemeliharaan ayam kampung dan seterusnya penanaman yang lain yang berkaitan dengan kebun sayuran. Yang satu lagi di Kedah misalnya, ada terdapat lebih kurang satu kumpulan yang telah tidak dapat menjalankan projek perumahan dan telah menanam ubi kayu di sana – di Sungai Petani. Jadi, itulah yang kita cuba, insya-Allah dari segi pemasaran pula, perkara ini sedang dianjurkan. Misalnya, cili kalaulah kita tanam dan selalunya melibatkan pihak swasta, misalnya Nestle telah membeli cili-cili tersebut dan banyak lagilah. Diharap FAMA dapat membantu Kementerian Pertanian.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Satu masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan pekebun sayur-sayuran ialah kekurangan tanah. Walaupun, mereka berminat untuk meluaskan kebun mereka tetapi tidak ada tanah. Antara mereka setakat ini ada yang menyewa tanah dan ada pula yang menanam di atas tanah orang lain secara haram. Saya

sedar bahawa hal tanah ini adalah di bawah hak kerajaan negeri tetapi saya rasa tanpa menyelesaikan masalah ini, sukar kita hendak menggalakkan aktiviti pertanian di negara kita. Jadi, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian Yang Berhormat supaya masalah petani ini dapat diselesaikan?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, memang betul sah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa soal tanah adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri. Kita telah berbincang dengan kerajaan negeri dan kini telah mengadakan beberapa projek yang tertentu, misalnya diadakan Agriculture Technology Park yang menyewa tanahnya kepada orang ramai. Kita sangat berbangga sekali, di Nibong Tebal misalnya, seorang yang ada lebih kurang 30 ekar tanah yang sanggup menyewa tanahnya kepada orang ramai dengan harga 1 sen satu ekar, kalau tidak salah, itulah yang kita banggakan sekali, insya-Allah kita akan cuba.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Datuk Lim Si Cheng.

[Soalan No. 9 – Telah dijawab bersama-sama dengan soalan No. 8 oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian]

IKAN/UDANG 'CULTURED' DIEKSPORT DARI SABAH – JUMLAH

10. **Puan Chua Soon Bui [Tawau]** minta Menteri Pertanian menyatakan :
- (a) jumlah nilai ikan dan udang 'cultured' yang dieksport dari Sabah. Nyatakan juga nisbah/peratusannya terhadap jumlah hasil seluruh negara bagi tahun 1995, 1996 dan 1997; dan
 - (b) apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan lagi hasilnya.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Negeri Sabah telah mengeksport ikan dan udang yang ditenak atau 'cultured' berjumlah 2,072 tan metrik yang bernilai lebih kurang RM47.94 juta pada tahun 1995, 2,544 tan metrik yang bernilai lebih kurang RM66.29 juta pada tahun 1996 dan 3,108 tan metrik yang bernilai RM86.02 juta pada tahun 1997. Peratus nilai eksport Sabah berbanding dengan jumlah hasil perikanan seluruh negara adalah seperti berikut:-

<u>Tahun</u>	<u>%</u>
1995	1.54
1996	1.75
1997	2.20

- (b) Antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan pengeluaran hasil perikanan khususnya di Sabah ialah:
- (i) menyediakan pelan Induk Pembangunan Akuakultur Negeri Sabah bagi tujuan merangka strategi pembangunan yang lebih tersusun dan mapan;
 - (ii) mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk pembangunan akuakultur secara komersil;
 - (iii) menggalakkan pelabur asing melibatkan diri dalam akuakultur melalui hubungan kerjasama serantau ASEAN seperti BIMP-EAGA (Brunei, Indonesia, Malaysia dan Philippines - East ASEAN Growth Area);
 - (iv) menggalakkan penglibatan penduduk tempatan dalam industri akuakultur secara komersil melalui program kursus dan latihan dalam bidang ternakan, pengeluaran benih dan sebagainya di samping insentif serta kemudahan pinjaman;
 - (v) meningkatkan usaha untuk mengawal dan mencegah penyakit; dan

- (vi) menggubal dan melaksanakan peraturan-peraturan akuakultur yang perlu dipatuhi bagi tujuan mencegah amalan yang boleh menjejaskan sumber air serta mencegah daripada merebaknya pelbagai penyakit.

Puan Chua Soon Bui: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan penyakit ikan 'red tide' telah berjangkit dan membunuh banyak ikan di Hong Kong, saya ingin bertanya Yang Berhormat sejauh manakah Kementerian Pertanian mengawal selia tentang keadaan ini supaya penyakit ini tidak menjangkiti ikan-ikan 'culture' di negara kita?

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, masalah penyakit ikan di Hong Kong ialah ikan 'red tide' yang melibatkan insang ikan. Jadi, 'red tide' memanglah ada di kawasan Sabah sendiri. Kita sedang memerhatikan perkara ini dan kita mendoakan ikan di negara kita tidak dihinggapi penyakit ini.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di negeri Sabah memang ramai di antara nelayan-nelayan yang sangat berminat untuk memelihara ikan ataupun udang secara 'culture'. Salah satu masalah yang dihadapi adalah bekalan anak-anak ikan sebab sekarang ini mereka ke laut, menangkap ikan tetapi apabila sudah dibesarkan saiznya tidak sama. Jadi, hendak jual ke Hong Kong tidak laku, jadi masalah di Sabah juga kita hadapi daripada Kementerian Pertanian kemungkinannya teknologi belum ada untuk menetasikan anak ikan khususnya anak-anak ikan yang laku seperti ikan merah (red sniper). Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sama ada sudah ada teknologi untuk membolehkan penetasan anak-anak ikan secara sistematik terutamanya jenis-jenis ikan seperti ikan merah (red sniper) yang boleh diberikan kepada negeri Sabah untuk membantu para nelayan di sana.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah pun mengadakan pusat penetasan bagi ikan air tawar iaitu di Batu Berendam,

Melaka dan seterusnya kawasan lain. Jadi, ubat ikan laut ada tertentulah yang dapat kita menetaskan seperti di Pulau Sayak di Kedah dan juga di Pulau Pinang. Jadi, berkenaan dengan soalan itu, saya pun tidak pasti. Saya akan berikan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

HARTANAH LUAR NEGARA – USAHA MENJUALKAN

11. **Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah berjayanya usaha kerajaan menggalakkan rakyat Malaysia menjual hartanah luar negara dan membawa balik wang penjualan ke Malaysia. Sila nyatakan jumlah wang yang diperolehi dan adakah saranan kerajaan ini telah disahut oleh pemimpin kerajaan dan menteri-menteri yang mempunyai harta luar negara seperti Naib Presiden UMNO yang juga bekas Menteri Besar Selangor di Australia.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem laporan imbalan pembayaran berasaskan tunai oleh Bank Negara Malaysia, rakyat Malaysia menjual hartanah luar negara sebanyak RM147 juta pada tahun 1997 berbanding dengan jumlah pelaburan dalam sektor tersebut yang bernilai RM331 juta. Ini membolehkan kerajaan berjaya mengurangkan aliran keluar bersih bagi tujuan pelaburan hartanah di luar negara kepada RM184 juta pada tahun 1997. Ini sebahagiannya menunjukkan kerajaan telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan pelaburan rakyat Malaysia di luar negara dalam sektor-sektor yang kurang produktif seperti sektor hartanah.

Sebagai perbandingan pada tahun 1996, rakyat Malaysia telah menjual hartanah luar negara sebanyak RM255 juta, manakala jumlah pelaburan dalam sektor tersebut adalah jauh lebih tinggi iaitu sebanyak RM566 juta. Ini mengakibatkan aliran keluar bersih yang tinggi bagi tujuan pelaburan hartanah pada tahun 1996 iaitu sebanyak RM311 juta.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya tahu apakah negara-negara di mana rakyat Malaysia berminat melabur atau membeli hartanah luar negara dan saya juga amat kecewa bahawa Yang Berhormat

Timbalan Menteri cuba lari daripada menjawab soalan yang satu lagi iaitu adakah pihak kerajaan mengamalkan ‘cakap serupa bikin’, tidak bersikap hipokrat dengan meminta rakyat Malaysia menjualkan hartanah luar negara sedangkan pemimpin-pemimpin mereka termasuk menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan menteri besar gagal berbuat demikian. Apakah tindakan yang akan dibuat untuk memastikan mereka berbuat demikian seperti bekas Menteri Besar Selangor yang sekarang juga Naib Presiden UMNO?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mempunyai rekod menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan setiausaha Parlimen yang mempunyai hartanah di luar negara, sila berikan kepada saya kerana kerajaan tidak mempunyai rekod. Kalau Yang Berhormat sedia maklum, sistem penyimpanan rekod pelaburan luar negara hanyalah didapati di dalam akaun imbangan pembayaran negara di bawah kapital akaun, jadi, ini hanya dilapor dalam tunai. Kalau saya sebagai Timbalan Menteri membeli rumah di Australia ataupun di England, kerajaan tidak tahu kerana pembelian itu dibuat dengan tunai dan sebagaimana yang saya jawab minggu sudah mengenai dengan pengaliran wang kita – jikalau sesiapa yang membawa wang tunai di atas badannya ataupun dia membawa dengan tangannya ataupun dibubuh di dalam luggage bagasi yang tidak di”accompany”, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dia boleh bawa sebanyak mana yang dia boleh bawa kerana itu adalah undang-undang negara kita. Jadi, kalau Yang Berhormat ada

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi ada buat laporan kepada Perdana Menteri tentang hartanah di luar negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, beri peluang kepada Timbalan Menteri menjawab dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi dia tahu ada menteri-menteri dan timbalan-timbalan menteri ada hartanah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sabar Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Pada pandangan.....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak bergantung kepada saya, habislah kerajaan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Pada setakat ini saya kata tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: Ada, mana tidak ada.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau ada Yang Berhormat beritahu kepada saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Bekas Menteri Besar Selangor ada hartanah beratus juta.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sekarang bukan sesi perbincangan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Dia letak jawatan, tidak fahamkah?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh tahanlah macam ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, sila teruskan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, Tuan Yang di-Pertua mengenai dengan tempat-tempat Yang Berhormat tanya awal-awal tadi, di mana yang – jadi kebanyakan rakyat Malaysia melabur hartanah di United Kingdom dan di Australia.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia ini tidak jawab kerana ini sahutan daripada Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Apa dia yang saya tidak jawab?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Perdana Menteri minta rakyat Malaysia menjual hartanah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya tidak izinkan Yang Berhormat berucap.

Tuan Lim Guan Eng:tetapi menteri-menteri tidak buat, ini double standard. *[Pembesar suara dimatikan]*

Seorang Ahli: Duduklah oi!

Tuan Lim Guan Eng: Lari dari tanggungjawab.

Seorang Ahli: Duduklah.

Seorang Ahli: Masuk penjara.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat diingatkan sebelum Yang Berhormat mendapat keizinan daripada Kerusi janglah hendak ambil kesempatan untuk berucap, itupun bukan kali yang pertama saya beri teguran.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tahu Tuan Yang di-Pertua tetapi saya tidak boleh tahan jawapan macam ini. *[Sorak]* Lari daripada tanggungjawab.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Tidak boleh tahan berhentilah!

Tuan Lim Guan Eng: Ini bukan accountability.

Seorang Ahli: Apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, inilah yang payah. Kalau Yang Berhormat terbawa-bawa dengan emosi.....

Seorang Ahli: Tidak boleh tahan, berhenti beri orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:.....perasaan, payah macam itu.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk membolehkan wang penjualan dibawa balik ke Malaysia dari luar negeri, adakah kerajaan ingin memberi apa-apa amnesty supaya menggalakkan lebih rakyat Malaysia yang ada harta khususnya yang dikatakan menteri-menteri dan sebagainya untuk membawa balik wang kerana jika amnesty ini diberi, ia akan membuka lebih peluang kepada rakyat Malaysia membawa balik wang seperti yang telah terjadi di negara-negara luar.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang peguam, Yang Berhormat sedia maklum bahawa di dalam undang-undang cukai kita, mana-mana rakyat Malaysia yang menjual harta di luar negeri dan jikalau boleh ditunjukkan bahawa wang yang dia bawa balik itu adalah seratus peratus hasil daripada penjualan harta itu tidak akan dikenakan cukai. Jadi, Yang Berhormat tidak payah tanya sayalah hal itu. Jadi, persoalannya ialah apakah rakyat Malaysia yang ada harta di luar negeri seperti di Amerika ataupun di Great Britain, sepatutnya dari segi logik mereka patut jual kerana dia jual dengan harga yang baik dan di bawa balik ke Malaysia, ditukar kepada mata wang kita tentu mempunyai banyak keuntungan. Jadi, inilah kedudukan sekarang ini iaitu galakan, walaupun kerajaan tidak beri galakan, galakan itu, dengan izin, implicit di dalam kedudukan sekarang yang mana dia tidak kena bayar cukai dan dia mendapat keuntungan yang lebih.

UPSR, PMR, SPM – KEPUTUSAN TIDAK MEMBERANGSANGKAN

12. **Tuan Yunus bin Rahmat [Jelevu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan :

- (a) keperluan sebenar guru, jumlah sedia ada (pengisian dan kekosongan) dan apakah faktor sekolah-sekolah di luar

bandar memperolehi keputusan UPSR, PMR, SPM yang tidak memberangsangkan; dan

- (b) langkah ke arah mewujudkan sekolah Bestari, di Negeri Sembilan dan bilangan mengikut daerah dan bila dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd.

Yunus]: Tuan Yang Di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Keperluan sebenar guru bagi sekolah menengah ialah 95,753 orang dan kekosongan buat masa ini ialah 5,515 orang. Bagi sekolah rendah, keperluan guru adalah mencukupi.

Kementerian Pendidikan amat prihatin kepada keperluan persekolahan masyarakat luar bandar dan sentiasa memastikan kualiti pendidikan adalah setara dengan sekolah-sekolah di bandar. Pada keseluruhannya, kecemerlangan dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM tidak terbatas kepada sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah bandar sahaja, malah sekolah-sekolah di luar bandar juga telah menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.

- (b) Sebanyak 6 buah sekolah di Negeri Sembilan telah dikenal pasti oleh Kementerian Pendidikan untuk dinaiktaraf sebagai sekolah bestari iaitu terdiri daripada 4 buah sekolah menengah berasrama penuh dan 2 buah sekolah menengah biasa. Bagi mewujudkan sekolah bestari, langkah-langkah berikut telah diambil iaitu:
 - (i) memberi taklimat dan pendedahan konsep sekolah bestari kepada semua pegawai Jabatan Pendidikan Negeri, pegawai pendidikan daerah, Pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Permuafakatan Pengisian Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus;

- (ii) menubuhkan Jawatankuasa Induk Sekolah Bestari peringkat Negeri Sembilan di Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan;
- (iii) mengenal pasti guru-guru untuk mengikuti latihan/kursus Teknologi Maklumat sebagai 'Jurulatih Utama' dan telah dimulakan pada November tahun 1997;
- (iv) menentukan agar semua sekolah yang terlibat melaksanakan persekolahan satu sidang sahaja;
- (v) memastikan agar sekolah-sekolah tersebut mempunyai proses yang mencukupi seperti bilik darjah, makmal, bengkel, dewan dan sebagainya; dan
- (vi) memastikan semua sekolah yang terlibat dibekalkan dengan komputer dan dimasukkan ke dalam program KDP (Komputer Dalam Pendidikan), Kementerian Pendidikan Malaysia.

Program Sekolah Bestari di Negeri Sembilan akan dilaksanakan mengikut jadual yang telah dirancang dan ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum bahawa penguasaan pelajar-pelajar kita di luar bandar terutama sekali dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains adalah teramat mengecewakan. Jadi, soalan tambahan saya ialah apakah langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan penguasaan pelajar-pelajar kita dalam mata pelajaran-mata pelajaran tersebut dapat ditingkatkan dan adakah prestasi pelajar-pelajar kita dalam mata pelajaran-mata pelajaran tersebut telah meningkat dalam tempoh setahun dua ke belakngan ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita maklum dan sedar akan kelemahan-kelemahan yang menyelubungi pelajar-pelajar kita dalam mata-mata pelajaran yang disebutkan tadi dan banyak langkah sebenarnya telah kita buat sama ada melalui gerak gempur, kelas-kelas bimbingan dan lain-lain. Sepanjang yang berkaitan dengan langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan melalui gerak gempur dan lain-lain, kita melihat ada peningkatan daripada kegiatan-kegiatan yang dibuat itu dan oleh kerana masalah ini masalah kita bersama, kita juga berharap semua lapisan yang berkebolehan dan berkeupayaan dapat memberikan apa juga sumbangan untuk memperbaikinya bersama-sama.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan. Saya ingin mendapat tahu sama ada kegawatan ekonomi atau krisis ekonomi yang sedang melanda negara hari ini menjejaskan pelaksanaan projek sekolah bestari di seluruh negara. Adakah krisis ini mendesak ataupun menyebabkan kerajaan terdesak untuk mengurangkan peruntukan dan sebagainya? Minta penjelasan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita maklum Dewan ini telah meluluskan sebanyak RM119 juta untuk membolehkan kita memulakan program sekolah bestari di 90 buah sekolah dan apabila timbul soal kegawatan ekonomi ini, langkah-langkah telah diambil untuk mencari jalan supaya dapat diteruskan program ini. Saya suka menyatakan daripada peruntukan RM119 juta itu setakat ini kita cuma diberikan sebanyak RM50 juta sebagai langkah permulaan untuk melaksanakan program tersebut. Namun demikian, kita akan cuba berikhtiar dan mencari jalan supaya program yang mulia ini dapat kita laksanakan sebaik mungkin.

13. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan berapa ramai saintis yang berada di negara kita:

- (a) berapa jumlah peruntukan yang dibelanjakan setiap tahun bagi kegiatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk meningkatkan jumlah saintis di negara kita; dan
- (b) bagaimana penglibatan pihak swasta dalam bidang R & D untuk membantu kerajaan menambah jumlah saintis di negara kita.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Mengikut kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Kebangsaan 1996 yang dikeluarkan setiap dua tahun sekali oleh Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) terdapat 4,243 orang saintis R&D di Malaysia pada tahun 1996. Daripada jumlah tersebut 1,524 petugas di agensi dan institut penyelidikan kerajaan, 1,377 bertugas di institut pengajian tinggi awam dan 1,342 di sektor swasta.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi melaksanakan aktiviti R&D. Peruntukan tahunan disediakan berdasarkan bilangan projek yang akan dilaksanakan dan keupayaan berbelanja sesuatu tahun tertakluk kepada siling peruntukan sesuatu rancangan Malaysia. Bagi tahun 1996 sebanyak RM137.4 juta telah dibelanjakan bagi membiayai 1,581 projek manakala bagi tahun 1997 sebanyak RM145.2 juta telah dibelanjakan bagi membiayai projek sambungan 1996 di samping 378 projek baru. Bagi tahun 1998 pula sebanyak RM157 juta telah disediakan bagi tujuan ini.

Bagi meningkatkan jumlah saintis negara khususnya untuk menjalani usaha R&D satu tabung sumber Manusia S&T telah diwujudkan. Setakat ini seramai 179 orang saintis sedang dilatih di peringkat Master of Science (MSC), PhD dan fellowship di bawah program tersebut. Di samping itu program pasca siswazah dan pasca doktoral juga telah dijalankan di mana 795 orang saintis telah dibiayai untuk mengikuti Kursus Lulusan Ijazah dan Kursus Lulusan Ph.D dalam bidang teknologi baru.

- (b) Penglibatan pihak swasta dalam bidang R&D datang dari Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan Industri (IGS) di mana projek-projek R&D syarikat swasta dibiayai oleh kerajaan manakala Skim Pengajaran Syarikat (TCS) pula melibatkan kerjasama R&D antara syarikat swasta dan universiti. Program-program tersebut mengandungi komponen R&D dengan wujudnya pemindahan teknologi dan kemahiran dari institusi R&D awam ke sektor swasta.

Secara umumnya dengan bertambahnya kegiatan R&D daripada pihak swasta, maka secara langsung permintaan dan bilangan saintis yang diperlukan akan meningkat, insya-Allah.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana menyediakan satu peruntukan yang besar bagi kegiatan R&D dan juga melatih saintis-saintis ini. Selain daripada itu adakah kementerian mengenal pasti berapa orang saintis rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menarik mereka balik ke Malaysia untuk berkhidmat di negara kita ini.

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mereka ini telah diberi peluang untuk kembali dan Kabinet sendiri pun telah memberi persetujuannya.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, di antara cara untuk menghadapi krisis ekonomi, kerajaan telah mengumumkan potongan pada kadar 18 peratus ke atas semua perbelanjaan pada tahun ini, tetapi oleh kerana projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) mungkin merupakan satu langkah di mana Malaysia boleh mencapai satu tahap pembangunan yang berteknologi. Jadi, saya hendak bertanya sama ada kerajaan ada membuat keputusan untuk memotong peruntukan untuk R&D. Jika ada, apakah kadar atau jumlahnya wang Ringgit Malaysia?

Dato' Abu Bakar bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini tidak ada arahan lagi. Saya ingat kita perlu menggalakkan ini kerana ini dikatakan 'value-added'. Dia kembali membuat sesuatu yang mempunyai teknologi yang tinggi dan kita boleh eksport. Ini sesuai dengan kehendak dan keperluan negara pada hari ini.

PENAGIHAN DADAH DI KALANGAN PENUNTUT SEKOLAH - BILANGAN TERLIBAT

14. **Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa penagihan dadah lazimnya terdiri daripada kalangan penuntut-penuntut sekolah tingkatan tinggi/rendah dan nyatakan berapa ramai mereka telah menjadi penagih dadah atau bergantung kepada dadah (drug dependant) untuk tahun 1991, 1992, 1993, 1994, 1995, 1996, 1997 dan 1998 dan juga nyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk mengelakkan penuntut-penuntut sekolah daripada menjadi mangsa penagih dadah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sedar bahawa ada di kalangan pelajar sekolah menengah khususnya menengah atas yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Bilangan pelajar yang telah dikesan melalui ujian urine di peringkat

sekolah dari 1992 hingga Februari 1998 ialah seramai 997 orang. Kementerian Pendidikan memang serius dalam menangani masalah dadah di kalangan pelajar. Antara langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian ialah:

- (i) menerapkan unsur pendidikan pencegahan dadah terutamanya di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Pendidikan Agama, Pendidikan Moral dan lain-lain mata pelajaran;
- (ii) mengadakan program lima minit antidadah di semua sekolah menengah;
- (iii) menganjurkan Program Intelek Asuhan Rohani (PINTAR) dengan kerjasama Agensi Dadah Kebangsaan dan pihak polis di sekolah;
- (iv) mewujudkan perkhidmatan kaunseling secara individu ataupun kelompok; dan
- (v) mewujudkan aktiviti-aktiviti sokongan seperti Skim Lencana Antidadah, Kelab Antidadah dan Program Kecergasan.

Pada masa ini Kementerian Pendidikan akan bekerjasama dengan Majlis Dadah Kebangsaan, Agensi Dadah Kebangsaan dan PEMADAM bagi menyusun program yang bertujuan mempertingkatkan usaha memberi pendidikan pencegahan dadah kepada pelajar-pelajar di sekolah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa bilangan sudah meningkat dengan banyak juga, dan bagi setiap pelajar yang dikenal pasti, ada berapa orang lagi yang belum dikenal pasti. Pada setiap orang yang dikenal pasti, mungkin ada lima orang lagi yang belum dikenal pasti. Inilah masalahnya. Bolehkah Yang Berhormat mempertingkatkan kerjasama di antara Kementerian Pendidikan dengan Kementerian Dalam Negeri supaya pengedar, ini sangat jahat kerana mereka

mengguna pelajar-pelajar, penuntut-penuntut untuk meresap masuk ke lingkungan sekolah-sekolah. Bolehkah kita mempertingkatkan lagi supaya kita dapat menangkap pengedar-pengedar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan di sini kerana dengan....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat....

Dr. Tan Seng Giaw: Saya panggil.....

Tuan Yunus bin Rahmat: Merapu sahaja!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, soalan tadi cukup jelas,

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak jelas lagi....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]:...tidak payah ulasan.

Dr. Tan Seng Giaw:kerana masih samar-samar, masih tidak mengerti.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak ada!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Masih tidak mengerti, termasuk Parit yang Sulong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ada nampak Parit Sulong tidur?

Dr. Tan Seng Giaw: Mengantuk sahaja nampak dalam Dewan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar. Biar saya sebutkan angka-angka ini menunjukkan kita sedar ataupun tidak sedar. Tentang bilangan pelajar yang dikesan terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Tahun	Bilangan pelajar terlibat
1992	83 orang
1993	80 orang

1994	110 orang
1995	132 orang
1996	272 orang
1997	249 orang
1998 (sehingga Februari)	31 orang

Kita memang menyedari keadaan ini dan kita sentiasa memantau dengan harapan dapat kita banteras seberapa yang boleh. Kita memang bekerjasama rapat dengan Kementerian Dalam Negeri dalam usaha mencapai matlamat-matlamat hendak membanteras kejadian-kejadian ini daripada merebak di kalangan murid-murid.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu di Dewan yang mulia ini macam manakah senangnya dadah dapat diperolehi oleh penuntut-penuntut sekolah dan apakah jenis-jenis dadah yang kerap kali digunakan oleh murid-murid sekolah. Adakah yang menggunakan dadah ini diberhentikan dari melanjutkan pelajaran bila mereka dikenal pasti?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, daripada pengalaman yang ada pada kita, maklumat-maklumat yang disampaikan kepada kita melalui pelbagai jawatankuasa yang kita sertai secara bersama, cara masuk bermacam cara, dan seboleh-bolehnya kita cuba banteras dengan mengadakan kawalan-kawalan yang kita fikirkan munasabah di peringkat sekolah untuk menghindarkan anasir-anasir yang tidak dikehendaki daripada masuk ke kawasan sekolah dan meresap di kalangan pelajar-pelajar kita. Kita juga banyak bergantung kepada kerjasama terutama sekali pihak polis dalam mengesan cara-cara yang digunakan oleh mereka yang terlibat ini. Daripada pengamatan yang kita buat, jenis-jenis dadah itu pelbagai, tetapi

bukan sampai ke tahap yang menggunakan dadah-dadah yang cukup merbahaya, belum sampai ke peringkat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Masa sudah cukup untuk Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 2, 6, 15 hingga 50 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN (1997) 1998

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMB.) (BIL.3) 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.” [16 April 1998]

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sebelum saya minta Yang Berhormat dari Balik Pulau menyambung ucapannya, sukalah saya mengingatkan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa oleh kerana kesuntukan masa, menurut Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, saya terpaksa menghadkan tempuh berucap kepada 15 minit setiap orang. Balik Pulau.

3.37 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pada petang hari Khamis lalu saya sedang dalam permulaan ucapan yang pendek ini. Saya cuma mengimbas kembali bahawa krisis yang kita alami sekarang adalah bermula sebagai satu krisis institusi kewangan yang berpunca daripada beberapa kelemahan yang telah ada dalam ekonomi kita. Tetapi sekarang ini yang saya hendak tekankan ialah kita mula lihat kesan-kesan krisis ini ke atas sektor ekonomi yang sebenar, iaitu kesan-kesan ke atas the real economy. Kita telah melihat kejatuhan harga-harga saham sebagai satu aset, kalau kita lihat daripada Indeksnya, apa yang ada pada Mac 1997, sekarang dalam lingkungan 650 Indeks, maka kejatuhannya agak besar dan kejatuhan harga aset ini telah menyebabkan sistem kewangan kita dan juga syarikat-syarikat yang mencagarkan aset tersebut untuk mendapatkan pinjaman menghadapi masalah.

Apa yang membimbangkan kita sekarang ialah apakah akan terjadi kepada aset yang satu lagi, iaitu aset dalam bentuk tanah. Kerana kita tahu bahawa salah satu daripada penjana pertumbuhan yang besar dalam negara kita ini selain daripada pembuatan (manufacturing) yang banyaknya berpunca daripada pelaburan luar yang menjana pertumbuhan daripada dalam ialah sektor hartanah dan juga construction. Jadi, kita takut kesan-kesan ke atas sektor real economy ini akan menimbulkan masalah yang lebih besar. Kita telah mengakui

bahawa kadar pertumbuhan ekonomi akan diperlahankan ataupun diperlahan hingga dalam 2½%, dan kita telah mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa sistem perbankan dan juga institusi-institusi kewangan dalam sistem tersebut bergabung dan sebagainya untuk mereka memastikan bahawa sistem itu masih kukuh, firma-firma pembrokeran, syarikat-syarikat kewangan, juga bank-bank harus telah mengambil kesempatan ini untuk bergabung dan meningkatkan kecekapan masing-masing dan juga memastikan bahawa sistem itu masih utuh, dan kita juga harapkan Bank Negara Malaysia sekarang ini mengambil langkah-langkah pengawalan yang lebih ketat yang memastikan bahawa apa yang berlaku dalam empat, lima, enam tahun yang lepas pada bank-bank ini tidak berlaku ataupun tidak berulang lagi.

Sebenarnya kalau kita lihat krisis yang kita hadapi sekarang ini ianya banyak berpunca daripada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan dan juga syarikat-syarikat pembrokeran yang terlalu ghairah dalam membekalkan pinjaman dan mengembangkan kredit pada tahap yang terlalu cepat. Saya tidak berapa bimbang dengan kadar inflasi, kerana kita tahu bahawa kadar inflasi akan meningkat dan telah pun meningkat. Dalam jangka masa pendek dan sederhana ini kita rasakan kadar inflasi akan terus meningkat sedikit, tetapi ini adalah merupakan sesuatu yang transitory, inflasi akan naik kerana ia merupakan satu pengubahsuaian kepada kejatuhan nilai Ringgit. Tetapi apa yang membimbangkan kita ialah apabila harga barang bukan naik, kita takut pada jang masa setahun atau dua tahun lagi harga barang mula turun. Itu yang membimbangkan kita. Sekarang inflasi akan naik sedikit, kadar faedah akan naik. Tetapi selepas itu ia akan stabil dan mungkin turun sedikit. Kita takut kalau kita tidak jaga tentang beberapa perkara khususnya dalam mengawal permintaan aggigat kita, mungkin boleh pergi kepada deflationary period, dan kita tidak mahu pergi kepada recession.

Jadi, apa yang membimbangkan kita ialah sekarang ini kita sedang melalui proses consolidation dalam bank, dalam finance company, dalam brokerage firms dan juga kita lihat syarikat-syarikat yang mula tutup akaunnya. Bulan Disember tahun lepas, bulan Mac dan bulan Jun kita lihat lebih banyak syarikat akan tutup akaunnya dan kita akan mula lihat syarikat-syarikat ini setengahnya sudah pun tunjuk kerugian. Ini mungkin sedikit-sebanyak akan menjejaskan prestasi KLSE. Kita takut penguncupan dalam permintaan ini akan menjejaskan pula, oleh kerana kredit untuk pengguna dan sebagainya telah diketatkan bahawa sektor runcit juga akan terjejas, oleh sebab kejatuhan permintaan ini. Apabila sektor runcit terjejas maka kita tengok juga sektor industri, barangan industri, produk industri juga akan menghadapi penguncupan permintaan dan seterusnya juga sektor perkhidmatan juga akan terjejas ekoran daripada penguncupan permintaan ini. Jadi, kalau kita tidak jaga betul-betul sekarang ini, ekoran daripada penguncupan permintaan yang agak ketara dalam jangka masa pendek ini, kita takut dalam negara ini tidak cukup demand, tidak cukup permintaan untuk bertahan sementara kita melalui proses consolidation ini.

Jadi, saranan saya dalam ucapan ini ialah saya cuba mencadangkan kepada Kementerian Kewangan dan kerajaan supaya memikirkan bagaimana kerajaan boleh menggunakan dasar fiskalnya untuk memastikan bahawa penguncupan permintaan dalam negara tidak turun terlalu banyak dalam proses kita mengubahsuai sementara proses melalui proses consolidation ini. Jadi, satu cara yang kita laksanakan beberapa inisiatif dasar kewangan sekarang ini, elok kita fikirkan sama ada kita hendak pergi kepada perkembangan perbelanjaan kerajaan sedikit untuk kita mempertahankan kadar permintaan agregat kepada tahap yang boleh mempertahankan harga. Kalau tidak kita mungkin akan melalui satu spiral yang boleh membawa kita kepada satu recession. Itu yang kita tidak mahu.

Kerajaan telah membentangkan Belanjawan yang menunjukkan lebih sejak tahun 1993, dan kita mempunyai petunjuk-petunjuk dari segi debt servicing ratio dan sebagainya yang boleh meyakinkan kita bahawa kerajaan ini adalah mampu dan kerajaan ini boleh melaksanakan dasar fiskal yang berkembang sedikit sehinggakan kita boleh pergi kepada perbelanjaan defisit dengan Belanjawan kita. Saya rasa justifikasi jangka pendek dan juga justifikasi jangka panjang untuk kita pergi ke defisit spending ini, saya tahu satu daripada perkara yang IMF tidak suka negara-negara yang terlibat dalam krisis ini buat ialah pergi kepada deficit spending. Tetapi kita tidak perlu dikongkong oleh pertimbangan IMF ini kerana hendaklah lakukan perkara-perkara yang mana kita rasa adalah perlu kita lakukan.

Bagi jangka pendek kalau kita pergi kepada deficit spending sedikit kita boleh mempertahankan. Bukan hendak mempertingkatkan ataupun mempertahankan agregat, tetapi mempertahankan ianya pada satu kadar yang boleh mempertahankan syarikat-syarikat, firma-firma dan juga pengguna-pengguna yang terlibat dalam pelbagai sektor dalam ekonomi negara kita ini. Kalau kita tidak mempertahankan permintaan agregat ekoran daripada penguncupan, daripada pelaburan, perbelanjaan penggunaan swasta dan sebagainya, kita akan berdepan dengan recession. Justifikasi jangka masa panjang untuk kita pergi kepada deficit spending ini pun ada juga. Sekarang ini kalau kita lihat, kita tidak mahu kalau kita anggap masalah yang kita hadapi sekarang ini adalah transitory, satu jangka masa pendek. Kita tidak mahu oleh sebab kita berdepan dengan krisis ini kita tangguh ataupun memotong ataupun perbelanjaan-perbelanjaan dalam bidang yang asas.

Satu daripada bidang asas yang boleh memastikan kita sentiasa berada dalam long term growth path kita, ialah kita hendaklah membelanja dalam pembangunan sumber manusia. Kalau kita dalam keadaan sekarang ini, oleh sebab kita hendak mengekalkan juga lebih dalam perbelanjaan ini, kita

potong perbelanjaan yang begitu banyak dalam pembangunan sumber manusia, khususnya dalam pendidikan dan juga dalam latihan, peningkatan kemahiran dibuat, kita akan menjejaskan kemampuan kita untuk kekal pada long term economic growth path kita.

Jadi, justifikasi banyak kita boleh cari, selain daripada mengekalkan permintaan agregat dalam jangka masa pendek yang boleh memastikan peraturan-peraturan ekonomi tidak runtuh, dari segi jangka masa panjang kita hendaklah tidak berkompromi dari segi pembangunan sumber manusia ini, kerana sebenarnya kalau kita lihat antara sebab kenapa kita tidak berdepan dengan masalah ini, ialah kerana pembangunan sumber manusia kita belum cukup lagi. Saya harap justifikasi untuk mengembangkan perbelanjaan kerajaan untuk tujuan pembangunan sumber manusia juga ini boleh menjadikan satu justifikasi yang kuat. Tinggal lagi kalau kita hendak tambahkan perbelanjaan kerajaan kita hendaklah melakukannya dengan bijaksana. Kita janganlah membelanjakan perbelanjaan itu pada perkara-perkara yang tidak produktif ataupun peningkatan perbelanjaan kerajaan itu cuma menampung apa yang selalu berlaku dalam ekonomi negeri ini, iaitu kita tidak hendak creat atau cipta lebih banyak rams, satu daripada kelemahan, kecepan dalam ekonomi negara kita ini ialah kewujudan ekonomi rams yang banyak sangat ekoran daripada macam-macam cerita yang mana mewujudkan ekonomi rams ini. Jadi, kalau kita hendak wujudkan atau hendak tambah perbelanjaan kerajaan pastikan ianya benar-benar bertambah secara produktif.

Akhirnya kita kita hendaklah sentiasa sedar pengajaran yang kita dapat daripada pengalaman yang kita lalui ini bukan sahaja dalam tahun 1997-1998 ini, tetapi juga faktor-faktor yang menyebabkan kita mengalami krisis yang kita alami sekarang ini supaya di masa depan kelak kita tidaklah terlalu memberi tumpuan kepada dalam perancangan penerusan ekonomi kita kepada soal pertumbuhan semata-mata. Kalau tanya ahli ekonomi mana pun dia akan cakap

pertumbuhan ini boleh kita janakan dengan berbagai-bagai cara. Tetapi kalau kita beri tumpuan yang begitu banyak seperti yang telah kita berikan dalam beberapa tahun yang lepas kerana dalam pada kita mencirikan Wawasan 2020 itu pun yang luas takrifnya, kita selalu tekankan kepada aspek pertumbuhan itu.

Jadi, hendaklah kita lihat juga kepada aspek-aspek yang lebih kualitatif dalam pembangunan negara kita ini, pembangunan dari segi keutuhan, pembangunan institusi-institusi yang ada dalam masyarakat kita, dalam negara kita, dalam sistem ekonomi kita, dalam sistem politik kita. Kerana institutional development ini adalah perlu. Kita harus sedar bahawa kita mampu menjana pertumbuhan yang kita alami dalam 20, 30 tahun yang lepas ini kerana kita mempunyai kekuatan dalam institusi-institusi dalam negara kita ini. Jadi, apa yang perlu untuk kita janakan pertumbuhan untuk masa depan, ialah kita pastikan institusi-institusi yang adalah dalam negara kita ini diperkukuhkan dan melalui perubahan-perubahan yang menyediakan negara ini untuk berdepan dengan cabaran dan juga tuntutan-tuntutan pembangunan di masa-masa yang akan datang.

Saya cuma teringat pada hari Khamis tempoh hari kita luluskan Akta Fee untuk dikenakan fee kepada Planetarium Negara itu. Saya tidak sempat bercakap, tetapi saya hendak kata satu yang baik tentang Planetarium ini walaupun kita dukacita sedikit kerana kementerian kutip duit dahulu, selepas itu baru minta kebenaran di Parlimen. Jadi, saya harap perkara macam ini tidak jadi di masa akan datang. Planetarium ini membolehkan kita melihat angkasa lepas, tidak kiralah cakerawalakah, kosmoskah atau apa benda, dan berasa insaf tentang kebesaran alam semula jadi ini dan betapa kecilnya kita ini. Jadi, janganlah kita pada ketika mana pun berasa terlalu angkuh bahawa kita boleh menguasai alam ini. Kalau kita pergi lihat kosmos ini, kita akan lebih insaf tentang perkara yang tersebut tentang kekerdilan kita sendiri dan mungkin kita akan sentiasa beringat tentang kedudukan kita. Janganlah sekali-kali kita mempunyai

tanggapan untuk menguasai ekonomi ataupun kita hendak menguasai alam semula jadi ini. Hendak menguasai alam semula jadi (nature) ini pun menimbulkan masalah dan akhirnya menjadi hangat, tidak ada hujan, air pun tidak ada dan berbagai-bagai masalah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan minta RM9 bilion perbelanjaan tambahan untuk Belanjawan tambahan kali yang keempat untuk Belanjawan 1997. Kalau tidak tahulah kalau diterima, mungkin kita boleh kemungkinan Belanjawan tambahan untuk Belanjawan 1998 yang boleh menampung permintaan agregat yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Parit Sulong.

3.48 ptg.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkas saya bangun untuk menyokong Belanjawan Tambahan yang dibentangkan dua-tiga hari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan sesuatu negara ada penggemblengan pengorbanan semua pihak, baik pihak kakitangan kerajaan, baik pihak penggubal undang-undang, baik pihak penguatkuasaa undang-undang. Dalam hal ini saya menyatakan bahawa kami sebagai ahli-ahli politik baru-baru ini agak terkejut dengan satu kenyataan oleh Yang Berusaha Tan Sri Ketua Setiausaha Negara. Jadi, menerusi Dewan yang mulia ini saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak yang berkenaan di dalam kerajaan supaya tidak timbul kekeliruan ataupun sebarang salah tafsir dan implikasi sebagai kenyataan Yang Berusaha Tan Sri Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini apabila mengatakan supaya ahli-ahli politik tidak masuk campur dalam urusan kerajaan, apakah ertinya?

Oleh kerana kenyataan yang dilaporkan oleh pihak akhbar dalam ruang yang singkat, mungkin tidak dapat menyampaikan hasrat yang sejelas-jelasnya

ataupun menyampaikan mesej yang sejelas-jelasnya. Inilah sebabnya timbul kekeliruan, inilah sebabnya timbul pertanyaan. Yang saya takut sekiranya perkara ini tidak diperjelaskan, maka wujud satu polarisasi kerjasama di antara pihak kerajaan, pihak kakitangan kerajaan dan juga dengan pihak golongan politik khususnya wakil-wakil rakyat di peringkat Pusat ataupun ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri. Kebimbangan saya adalah kenyataan yang mungkin agak mengundang banyak pertanyaan ini disalahtafsirkan pula oleh pihak kakitangan kerajaan.

Ini kesannya terlalu luas, kerana sebagai saya katakan tadi menerusi kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini telah diwujudkan semangat permuafakatan semua pihak, permuafakatan kakitangan kerajaan dengan pihak swasta, permuafakatan kakitangan kerajaan dengan politik digemblengkan semua ke arah pencapaian agenda nasional yang kita harapkan. Pada waktu yang sama sekarang ini wujud seolah-olah satu mentality pemikiran beberapa ataupun sekelompok kakitangan kerajaan terhadap ahli politik yang negatif. Hari ini wujud satu kenyataan oleh ketua jabatan yang mengatakan bahawa Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mungkin akan diambil tindakan undang-undang sekiranya tindakan beliau baru-baru ini mengenai paip air di Kuala Lumpur dia kata didapati salah pasang.

Perkara semacam ini tidak payah cakaplah. Mengapa wujud macam ini. Dahulu wujud kedinginan suasana antara menteri dengan satu jabatan kerajaan. Hari ini kita dalam krisis. Kita perlu segala resources kita digemblengkan. We need to consolidate every effort, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jangan kita izinkan diri kita dipecah belah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam turun ke Johor, dia memberi mesej kepada orang politik supaya jangan kita berpecah belah. Mesej itu harus diluaskan kepada semua pihak rakyat supaya jangan pecah belah, jangan tunjuk ada semangat permusuhan, benci-

membenci, curiga-mencurigai, mengaplikasikan teori konspirasi kepada satu pihak kepada satu pihak.

Baru-baru ini kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengenai perlantikan Ketua Pengarah, hari ini menimbulkan reaksi dari banyak kesatuan dalam teaching profession. Apa ertinya ini? Bagaimana kita mahu mengatasi perkara ini? Adakah ini tidak mengalih pandangan kita di dalam usaha yang harus kita fokus, iaitu mengatasi krisis. Jadi, saya harap pihak kerajaan akan mengambil iktibar daripada perkara-perkara ini dan semua pihak akan mengambil iktibar dari perkara ini, jangan kita perluaskan.

Dalam konteks Ketua Setiausaha Negara tadi, saya minta berilah penjelasan sejelas-jelasnya, sekiranya pihak akhbar yang hendak dituduh sebagai scapegoat, tuduhlah umpamanya, oleh kerana ada pemimpin-pemimpin negara setengah-setengahnya, kadang-kadang kalau dia telah membuat kenyataan dan tengok kesannya apabila come in black and white itu agaknya negatif, pihak akhbar yang dituduh scapegoat. Tetapi saya minta penjelasan yang sejelas-jelasnya. Oleh kerana kenyataan dari satu pemimpin tertinggi birokrat, kesannya adalah amat luas. Saya tahu kakitangan kerajaan yang ada dalam Dewan ini semua sayang kepada kerajaan. Mereka telah menunjukkan kerjasama sehingga ke peringkat akar umbi, di mana ada agensi kerajaan di sanalah perpaduan wujud. Janganlah timbulkan kenyataan-kenyataan entah atas asas apa rasionalnya tiba-tiba meletup seolah-olah tidak wujud kerjasama ataupun seolah-olah wujud campur tangan di antara kerajaan dan juga kalangan politik.

Yang keduanya, saya amat mengalu-alukan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa syarikat-syarikat Malaysia yang sebelum berlaku krisis adalah syarikat besar yang berpotensi gagah yang hari ini agak berada dalam keadaan lumpuh mesti diselamatkan. Seorang pakar ekonomi antarabangsa baru-baru ini telah mengadakan satu perbincangan ilmu dengan segelintir lebih kurang 50 orang cendekiawan Malaysia. Dia mengatakan kerajaan Malaysia harus berani berdiri mengadakan bahawa kami akan membantu, khususnya syarikat-syarikat bumiputera. Saya tahu segolongan sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini termasuk PAS baik, khususnya DAP. Di telah pun diperangkap oleh satu cywar antarabangsa bahawa apa yang dilakukan oleh kerajaan untuk membantu satu syarikat dalam suasana ini adalah bail-out.

Jadi saya minta pihak PAS khususnya, pihak DAP saya tidak mampu, pihak PAS kerana kita mempunyai sentimental linkage, supaya kita faham apa yang dikatakan bail out, apa yang dikatakan atas nama maruah bumiputera, atas

nama keefektifan, the effectiveness Dasar Ekonomi Baru, saya mahu mengambil contoh dalam Dewan ini bagaimana Kerajaan Amerika Syarikat, apabila Mexico jatuh maka Kerajaan Amerika Syarikat pun didesak untuk "bail out Mexico". Tetapi sebenarnya kerajaan Amerika Syarikat bukan bail out Mexico, dia bail out American company, Wall Street Company yang beroperasi di Mexico. Tapi oleh kerana ia ada cross boundry maka kelihatan 'bailing out Mexico'. Syarikat Chrysler oleh kerana competition dengan syarikat motor di Jepun, maka dia berhadapan dengan masalah produktiviti, dan masalah marketing yang lemah, maka sehingga menjadi hampir-hampir bankrap, maka mereka pun memohon bantuan daripada Kerajaan Amerika.

Kenapa perkara ini tidak dikategorikan sebagai bail out, mengapa kalau Kerajaan Malaysia dalam keadaan krisis hari ini membantu satu syarikat yang lemah dikatakan bail out. Kepong jangan tidur, dengarlah cakap ini. [Ketawa] Satu syarikat di Jepun, oleh kerana berhadapan dengan masalah yang terkeluar dari kemampuan pengurusan untuk mengatasinya, juga hampir-hampir lumpuh, maka dibantulah oleh kerajaan. Adakah ini bail out? Jadi janganlah pada hari ini kita mudah terperangkap dengan 'jargon' ungkapan yang melumpuhkan kita.

Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan syarikat-syarikat yang lemah mahu dibantu - go ahead, jalankan, kita harus sokong. Kita tidak mahu melihat orang asing masuk, saham TMB umpamanya jatuh merudum, maka free market datang beli, siapa akan menguasai TMB satu hari nanti, sekiranya TMB hari ini dalam keadaan lumpuh dan kerajaan tidak mahu membantu. Sekiranya Telekom Malaysia berada dalam keadaan yang amat teruk sekarang, mungkin oleh kerana financial explosion dan tidak dibantu oleh kerajaan, siapa yang akan rugi dan siapa yang akan untung.

Sebab itu Kelab Penyokong-penyokong Kerajaan di dalam perakuan-perakuan yang kita berikan kepada Majlis Tindakan Ekonomi, yang kita berikan kepada Yang Amat Berbahagia Tun Daim Zainuddin baru-baru ini, kita menyatakan: "Ketepikan tuduhan manusia luar yang menyatakan kita bail out, jalankan di mana yang relevan dengan agenda bumiputera dan agenda Malaysia, yang perlu dibantu kita bantu dan mesti bantu".

Tuan Yang di-Pertua, sekarang Malaysia dalam region South-East Asia ini dalam keadaan yang terasing, Indonesia tidak boleh menafikan tetapi telah pun ditundukkan. Kita melihat, saya mahu seluruh rakyat Malaysia bayangkan bagaimana Michel Camdasus peluk tubuh, berdiri melihat Presiden Suharto duduk tandatangan. Apakah ertinya - sama ertinya dengan wakil-wakil British di zaman 1946 peluk tubuh, melihat Sultan menandatangani supaya setuju kepada agenda Malayan Union! Itu jauh kesannya. Adakah kita mahu satu hari nanti siapa-siapa personaliti bank duniakah, personaliti WTOkah, IFMkah datang ke sini, Yang Amat Berhormat kita duduk terpaksa tunduk kepada pressure orang-orang ini.

Malaysia dalam keadaan terasing oleh kerana Indonesia telah tidak boleh bersuara, sebelum ini Indonesia pun sudah tidak boleh bersuara oleh kerana ada ODA daripada US. Negeri Siam tidak boleh bersuara, sudah hancur, Korea apatah lagi sama banyak, ini syarikat South East Asia Korea sekarang ini sudah going to the higher figure, siapa higher figure itu, orang-orang luar. Sekarang kita tengok kereta four-wheel drive yang paling popular - KIA, siapa yang akan menjadi sherholder KIA, oleh kerana atas nama liberalisation of trade mereka telah menentukan pengeluar-pengeluar motor sekian banyaknya. Siapa yang ada bertumbuh di luar sana kita cari jalan, ia tidak boleh digunakan tentera.

Sekarang ini senjatanya adalah liberalisation of trade in economy, senjata mereka adalah globalisation. Senjata mereka adalah demokrasi mengikut ukuran mereka, senjata mereka adalah freedom mengikut ukuran mereka, senjata mereka adalah hak asasi mengikut ukuran mereka, perkara ini menjadi lebih berkesan kelihatannya setelah tumbang tembok-tembok negara Rusia. Maka dunia menjadi unipolar, maka diwujudkan landasan pelantar-pelantar perjuangan baru (new platform). Maka diwujudkan unipolar dan New World, The New Economic Order, tata susunan dunia baru, maka dilaungkan terus dipakejkan hak asasi dengan cara baru, dipakejkan lagi umpamanya trade liberalisation cara baru, maka dikenalkanlah globalisation cara yang baru, ia meresap ke seluruh dunia.

Maka ideologi-ideologi ekonomi ini pun meresap ke kepala semua orang khususnya pembangkang, dan paling khusus dalam pembangkang Kepong. Kalau orang cakap dia tidur, malam itu dalam Debat Agung Universiti Malaya, Setiausaha Agung DAP tidak berani pergi, baru Ruhanie yang pergi, tak berani pergi, dia hantar Kepong cakap merapu, orang suruh mengkaji Dasar Ekonomi Baru, dia cakap pasal krisis dan juga bail out. Mana DAP ada kredibiliti mahu bercakap, kalau mahu bercakap dalam Dewan ini saya undang saudara bercakap. Jadi saya minta dalam saya menyokong keputusan kerajaan, saya juga mahu kerajaan mulai hari ini, kita menyiapkan satu jawatankuasa atau suruhanjaya melihat bagaimanakah prestasi bumiputera, pasca, keruntuhan hari ini. Harus dimulakan dari sekarang. Apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menyatakan kemiskinan, kadar kemiskinan negara mungkin akan meningkat akibat apa yang berlaku sekarang. Apakah implikasinya kepada kemiskinan dalam bandar, apa implikasinya kepada kemiskinan luar bandar. Tadi Timbalan Menteri menyatakan bahawa kegawatan ekonomi menyebabkan peruntukan untuk sekolah bestari dipotong lebih daripada setengah, tidakkah ini implikasinya program bestari akan terjejas. Kalau terjejas, tidakkah implikasinya pencernaan tenaga manusia yang berpengalaman dalam konteks ini juga akan terlambat sekian lama, kita harus takes step, kerajaan harus mengambil kira kepentingan bumiputra setelah kita dilanda oleh krisis pada hari ini, saya minta supaya mulai hari ini juga...

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta gulung, masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua,
Yang Berhormat dari Parit Sulong bercakap seolah-olah Kerajaan Malaysia
tidak pernah membuat pinjaman, dan tidak akan membuat pinjaman kepada
IMF. Bagaimana dua tiga hari yang lepas, saya dengar ucapan Timbalan
Perdana Menteri di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan IMF dan
perjumpaan dengan para cendekiawan dan teknokrat di Amerika Syarikat di
mana dalam perjumpaan itu Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan, dia
tidak pernah mengecam IMF, dia tidak pernah mengecam World Bank.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang
Berhormat masa sudah habis, minta pendekkan.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tetapi yang
dikecamnya adalah Jepun, jadi kita melihat ucapan di satu pihak. Yang kedua
kita lihat seolah-olah dia mengecam Thailand, dia mengecam Indonesia dan dia
mengecam Korea, kerana menerima bantuan ...

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua,
duduklah, saya takut

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang
Berhormat

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Saya ingin bertanya
Yang Berhormat, bagaimana kiranya kalaulah kita Malaysia ini menerima nasib
seperti Indonesia sebagaimana Korea, sebagaimana Thailand. Apakah kita
pada masa itu tidak akan menerima bantuan daripada IMF.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah, saya hendak cakap ini,
fahamlah....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Sekali lagi saya ulang
soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang
Berhormat Tumpat, masa dia sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Menyampuk]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukuplah, Tuan Yang di-Pertua
cukuplah, apa ini..... [Ketawa]

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [Menyampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang
Berhormat[Ketawa]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasankah atau hendak marahkah?

Hendak marah, keluarlah! Tuan Yang di-Pertua, inilah cermin kepada otak

yang bercelaru. Saya cakap lain dia faham lain, saya kata, saya bukan mengecam Indonesia, saya sekadar menyatakan realiti yang berlaku di Indonesia. Saya tidak mengecam Thailand, saya menyatakan realiti di Thailand, fahamkah PAS? Saya kata, saya minta supaya jangan sampai satu situasi yang kita didorong ke tembok kita tidak mempunyai langkah untuk bersilat dan hidup. Apa yang berlaku di Indonesia, sebab itu saya minta pembangkang macam PAS khususnya, yang mempunyai linkages darah sentimental sejarah dengan saya, supaya faham, supaya jangan diracuni dengan dakyah perkataan 'bail out'.

Itu yang saya cakap, Tuan Yang di-Pertua, tidak faham juga, itu yang susah. Saya minta PAS lain kali, ini kawan-kawan PAS di belakang itu ketengahkan calon yang berwibawa hendak melawan dengan Barisan Nasional. Apa calon yang substandard macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit sahaja. Tak layan dah. Tidak ada standard.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, dia tak mahu beri. Silakan terus.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: [*Bangun*]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cukuplah, duduklah. Tak beri, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak, saya sudah cakap.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:kita membantu kepada syarikat yang telah mati, yang akan mati. Apakah itu merupakan dasar kerajaan?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, sila gulung Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya hendak gulunglah ini. Ini orang tidak faham, ini yang susah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Apakah itu dasar kerajaan, apakah itu dasar ekonomi baru kita? Ataupun....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Yang Berhormat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:dasar ekonomi nasional kita.....*[pembesar suara dimatikan]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, saya tidak dapat benarkan, masa dia sudah habis.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*
[Menyampuk].

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduk dulu, hendak berucap selepas ini berucaplah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*
[Menyampuk].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, kita tidak banyak masa. Tadi sudah diperingatkan lima belas minit seorang.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, duduklah Yang Berhormat. Faham tak bahasa, kitu sebagai orang Melayu, faham bahasa tahu.

Duduk, saya akan jawab, duduk. Ya, Allah. Inilah dia, saya minta Timbalan Presiden PAS lain kali pilih yang ada standard untuk berbahas.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Menyampuk]*.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:itu bukan jawapan, Tuan Yang di-Pertua, itu tiada modal namanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Kalau orang yang ada modal, dia tidak jawab.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, ada modal dengan ada bahasa, mana lebih tiada maruah kalau tiada bahasa?

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Inilah standard, tiada standard.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Parit Sulong, masa Yang Berhormat sudah lebih tiga minit.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Betul, saya minta kasihan, ini saya cakap sedikit mengenai agenda bumiputera, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya minta selepas kegawatan ini berlaku, saya ketepikan apa yang dicakapkan oleh sahabat saya dari PAS tadi, sahabat juga walau macam manapun. Jadi saya minta kerajaan mulai sekarang kita tubuhkan satu jawatankuasa ke, badan apa ke, saya mahu dikaji balik position bumiputera dalam konteks Dasar Ekonomi Baru ataupun setelah tahun 1990 dalam konteks Dasar Pembangunan Nasional sama ada semangat Dasar Ekonomi Baru yang muncul dari Perkara 153 itu akan berhadapan dengan masa yang cerah selepas pasca krisis ini ataupun kita menuju ke arah yang lebih menjunam.

Kalau yang cerah, Alhamdulillah, kalau menjunam kita harus merangka mulai sekarang apakah strategi-strategi pembelaan supaya semangat Perkara

153 membela bumiputera yang masih lagi kekurangan ini dapat diteruskan secara berkesan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas toleran dan kefahaman. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tambun.

4.14 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya negara kita terbahagi kepada dua sektor, satu sektor kerajaan dan keduanya sektor swasta.

Sektor awam menetapkan dasar peraturan serta penguatkuasaan dan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan manakala sektor swasta merupakan ejen kepada pembangunan ekonomi negara yang menentukan perkembangan dan pertumbuhan ekonomi untuk kesejahteraan rakyat.

Kemelut ekonomi ini, Tuan Yang di-Pertua, telah menjejaskan prestasi sektor swasta. Saya cuba hendak membayangkan di sini terutama untuk kefahaman PASlah. Pentingnya sektor swasta ini, bila ia terjejas akibat daripada kemelut ekonomi, saya cuba bayangkan worst of scenario. Worst of scenario maknanya syarikat-syarikat kita tutup, ekonomi kita jatuh, ia akan mengakibatkan kepada keruntuhan ekonomi negara yang boleh menjadikan negara kita miskin, menjejaskan kapasiti perkhidmatan kerajaan kerana masalah kewangan. Kesulitan kepada rakyat dari segi masalah pekerjaan mendapatkan makanan dan sebagainya, negara menjadi bankrap dan ini membuka peluang kepada kuasa asing untuk menjajah negara kita.

Dengan sebab itu dalam konteks kemelut ekonomi kita tidak boleh pisahkan, kerajaan mesti berperanan untuk membantu sektor swasta bukan sekadar menyediakan dasar ataupun peraturan dan perancangan untuk sektor swasta tetapi juga untuk membantu menyediakan sumber kewangan untuk

menghidupkan sektor swasta agar ia dapat berprestasi dengan lebih baik. Jadi saya berharap kepada pengkritik-pengkritik kerajaan, tidak sepatutnya melihat campur tangan kerajaan terutama dalam soal yang melibatkan kewangan sebagai politically motivated, dengan izin. Dan kerajaan juga hendaklah memainkan peranan tersebut secara yang telus.

Sekarang saya ingin membincang tentang soal sektor perbankan. Beberapa kali telah saya nyatakan sektor ini merupakan sektor yang amat penting. Jikalau sektor perbankan jatuh, bermakna seluruh ekonomi kita akan terjejas. Apa yang saya harap kerajaan dapat mengkaji semula sektor.....

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, nak bagi jalan Yang Berhormat, Tumpat bangun.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya tidak setuju untuk memberi bantuan kepada mustaktaakhir, bukan sahaja syarikat-syarikat yang tenat. Apa yang saya tanya tadi apakah itu merupakan dasar kerajaan dan yang kedua, kenapakah persoalan yang besar itu tidak dibawa masuk ke dalam Dewan ini. Apakah cukup dengan keputusan dalam Kabinet? Persoalan itu sepatutnya dibuat satu cadangan dan usul yang dikemukakan dalam Dewan ini dan dibincangkan sebab ini.....

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah, masa pun terhad, soalan yang ditanya pun saya sudah faham.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood:melibatkan wang yang begitu banyak, beribu-ribu bilion ringgit dan sebagainya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat cukuplah. Terima kasih. Soalan itu pun saya sudah faham dan saya akan sentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, jadi saya hendak meneruskan tentang soal sektor perbankan yang saya nyatakan tadi.

Saya menyatakan, saya harap kerajaan dapat mengkaji kedudukan sektor perbankan, dari segi kedudukan kewangan sektor tersebut untuk memastikan yang pertama, mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan dan perkhidmatan kepada orang ramai dan masyarakat perniagaan. Kedua, mempunyai sumber yang cukup bagi melindungi pendeposit jika berlaku kerugian dan sebarang kesulitan terutama dalam keadaan sekarang dan ketiga, memiliki kapasiti untuk memenuhi keperluan operasi.

Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya bagaimanakah kedudukan tahap kecairan ataupun liquidity sektor tersebut terutama dari segi ratio yang digunakan untuk menilai liquidity tersebut dari segi loan deficit ratio, gearing ratio, deficit bank of ratio dan sebagainya. Dan apakah masalah-masalah yang kita hadapi untuk meningkatkan jumlah modal sektor perbankan, adakah money supply kita sekarang seimbang dengan perkembangan modal di sektor perbankan, kadar keuntungan pada keseluruhannya bagi industri perbankan dan bagaimana dengan penyuntikan modal baru.

Saya menyentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana walaupun pelbagai statement yang dibuat oleh kerajaan untuk membantu sektor swasta tetapi dari segi pembiayaan yang diperolehi oleh syarikat dalam keadaan yang sebenarnya masih lagi terjejas, tidak seperti sebelum kita menghadapi kemelut ekonomi dan seterusnya saya juga ingin mendapatkan maklumat dari segi pemberian pinjaman baru. Kerajaan telah menetapkan dasar pertumbuhan pengeluaran pinjaman baru yang agak terhad yang jauh lebih rendah daripada yang telah ditetapkan pada masa-masa lalu.

Soalan saya adakah jumlah pertumbuhan yang dibenarkan itu seimbang dengan permintaan pasaran? Saya berpendapat bahawa pertumbuhan pinjaman seharusnya seimbang dengan 'permintaan' kerana 'pemintaan' kita boleh bahagikan antara 'permintaan' yang produktif dan non-produktif, yang saya maksudkan 'permintaan' ini adalah permintaan yang produktif supaya ia tidak

menjejaskan produktiviti sektor swasta ataupun sektor ekonomi. Saya juga ingin menyentuh tentang quality banking asset.

Pada tahun lalu, di hujung tahun Bank Negara ada menyatakan bahawa NPL kita adalah pada tahap 4.5% dan baru-baru ini dalam jawapan pada bulan Mac lalu, kenyataan kerajaan mengatakan bahawa NPL telah bertambah pada 8.0%. Kalau kita buat perbandingan secara komperatif antara tempoh bulan Disember dan bulan Mac bermakna ada tambahan sebanyak 77%, maknanya kualiti pinjaman bank kita telah merosot dengan begitu banyak. Ini mendatangkan rasa bimbang dan rungsing kita. Bagaimanakah kedudukan sebenarnya sektor banking? Saya lebih berminat untuk melihat ke hadapan, saya pernah menyuarakan kepada kerajaan supaya kita membuat kajian yang menyeluruh semula ke atas pinjaman-pinjaman kita.

Saya membuat kajian berdasarkan kenyataan kerajaan berasaskan laporan pada bulan Julai 1997. Arah pinjaman daripada bank perdagangan, jumlahnya adalah sebanyak RM250 bilion. Pecahan-pecahan kepada pembuatan kewangan dan perkhidmatan pembinaan dan perumahan adalah sebanyak 52% dan kita tahu sektor ini sekarang menghadapi masalah syarikat yang rugi, bankrap dan sebagainya dan 52% daripada pinjaman kita adalah kepada sektor berkenaan.

Saya berpendapat, lebih baik sekarang pihak bank membuat kajian ke atas pinjaman-pinjaman tersebut supaya dia tahu mungkin ada terdapat di dalam portfolio pinjaman tersebut pinjaman-pinjaman yang berpotensi menjadi masalah dan kita boleh bersiap sedia daripada sekarang. Kita boleh buat refinancing, restructuring. Ini saya hendak faham pada PAS ini. Kita faham apa itu 'refinancing' dan 'restructuring'. Jangan kita ingat bila hendak membantu kepada syarikat-syarikat yang lumpuh ini kita katakan kerajaan bagi wang kepada syarikat-syarikat tersebut. Kita maksudkan ialah financial restructuring, financial refinancing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, Rompin bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Tambun. Ini tentang pandangan Yang Berhormat dari Tumpat. Yang Berhormat dari Tumpat hari ini macam ada satu semangat baru hendak berjuang. Ini adalah kerana hendak memimpin PAS Kelantan, saya tidak tahulah sebab difahamkan PAS Kelantan masa ini cuba mencari calon baru untuk mengambil alih kepimpinan PAS Kelantan supaya bila ustaz itu nanti, tok guru sakit, Tumpat mungkin hendak mengambil alih PAS Kelantan supaya dapat menjadi Menteri Besar Kelantan. Mungkin, cara dia itu lain sedikit pada hari ini.

Saya hendak bertanya sedikit kepada Tambun, maksud saya usaha-usaha untuk hendak pulih ini, senarionya bukanlah yang sudah mati yang hanya tinggal dimandi dan dikapankan. Saya yakin yang syarikat-syarikat kalau hendak dibelapun sama ada dibela oleh pihak bank untuk mengkaji kembali hutang-hutang mereka dengan syarikat ataupun diberi bantuan tertentu. Sudah semestinya salah satu fundamental yang saya hendak minta Tambun berikan pandangan dan penjelasan sedikit.

Pertama, syarikat yang hendak diberikan bantuan mestilah yang ada memberi pengurusan yang baik, sekurang-kurangnya ada produk yang boleh dijual dan ada teknologi tertentu ataupun syarikat ini diberikan satu tugas untuk membangunkan suatu industri di negara kita. Itu yang sebenarnya, isunya bukan hendak ambil yang sudah diletakkan di bilik mayat itu. Itu cuba hendak dibayangkan oleh PAS, ambil yang dalam bilik mayat itu, berikan oksigen ke, berikan kereta baru ke supaya dia bergerak. Itu 'bodoh' caranya!

Sudah yakin, saya rasa kerajaan tahu dan semua sektor swasta tahu. Saya minta penjelasan, sebab macam Tumpat ini itu cara yang membawa

kononnya Kerajaan Barisan Nasional amat bodoh boleh ditipu-tipu sahaja oleh orang tertentu kononnya untuk meraih kekayaan. Minta penjelasan.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Pertama sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan rakan saya dari Rompin.

Memang ada buat vakum dalam kepimpinan di Kelantan. Malahan ada beberapa orang wakil rakyat mungkin tidak akan diberi peluang untuk pilihan raya akan datang dan saya rasa juga mungkin ada syarikat-syarikat rakan-rakan Yang Berhormat, syarikat mati yang pergi kepada Kerajaan Kelantan untuk minta bail out tidak dapat kelulusan, itu yang dia rasa marah pada hari ini.

Berkenaan dengan konsep ‘refinancing’ atau ‘restructuring’, Tuan Yang di-Pertua, pertama prinsipnya adakah sektor swasta ini tidak berguna kepada negara kita? Seperti mana saya nyatakan, sektor swasta berperanan besar kalau sektor swasta kita ‘merudum’, bermakna ekonomi negara kita akan hancur. Kita akan jadi sebuah negara miskin.

Kedua, restructuring atau refinancing bukan bermakna kita memberi pinjaman kepada syarikat berkenaan untuk menambahkan pinjaman.

Ia semata-mata kerana syarikat-syarikat menghadapi masalah untuk membayar pinjaman kerana kematangan pinjaman tiba-tiba terjadi dan oleh kerana kemelesetan ekonomi, perniagaan yang biasanya satu perniagaan yang berjaya tapi terjejas dari segi penjualan dan keuntungan. Dalam keadaan yang kita panggil sebagai sementara ini kerajaan menghadapi masalah untuk membayar pinjaman yang tiba-tiba matang secara keseluruhannya. Dengan restructuring dan refinancing, ia akan menjadualkan semula pinjaman tersebut supaya syarikat mempunyai keupayaan untuk membayar. Umpamanya, kalau tahun ini RM10 juta hendak dibayar, jadi dijadualkan semula supaya ia dibayar dalam tempoh 5 tahun akan datang. Jadi, syarikat mempunyai keupayaan untuk membayar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Machang bangun pula.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta pendekkan, saya sudah....

Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed: *[Ketawa]* Sedikit sahaja, sedikit sahaja. Saya hendak minta penjelasan dari Yang Berhormat. Kerajaan Kelantan pun pernah dalam soal hutang yang banyak kepada Kerajaan Pusat sehingga beratus juta. Pernah satu masa meminta Kerajaan Pusat membuat restructuring dia punya hutang dan permohonan ini diluluskan oleh Kerajaan Pusat. Kalau tidak Kerajaan Kelantan tidak mampu hendak bayar.

Jadi, saya nampak Tumpat ini double standard. Bila Kerajaan Kelantan buat dia tidak bangkitkan itu tetapi apabila Kerajaan Pusat buat nampaknya dia menentang.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, ini soal double standard *[Ketawa]*, jadi saya berharap, kerana saya dengan PAS ini sepertimana kata Parit Sulong kita daripada rumpun yang sama tetapi ideologi dia mungkin berbeza dengan kita, dia tidak begitu pragmatik dan praktikal, jadi saya harap perangai-perangai double standard ini tidak diamalkan pada masa-masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Minta gulung, Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: *[Bangun]*

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, baru....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tumpat, dia tidak dapat benarkan masa dia sudah habis.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya tak bagilah, cukuplah, Tuan Yang di-Pertua suruh gulung dua minit lagi...sudah tak sempat dah.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan cadangan tadi supaya persoalan yang besar ini, dibawa masuk dalam Parlimen, diadakan kertas putih, dibincangkan, baru kita tahu masyarakat yang bagaimana? Tuan Yang di-Pertua, ini persoalan bukan main-main.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat sila gulung. Cukup Yang Berhormat, masa dia sudah habis.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya minta dia duduklah Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Soalah-olah pemerintah diktator. Seolah-olah begitu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila gulung, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesuntukan masa Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh satu perkara sahajalah saya minta kepada Yang Berhormat dari Tumpat, kita jumpa di luar nanti. Kita bincang soal ini, boleh dibincang di luar, tidak perlu dalam Dewan. Perkara kecil sahaja. Saya hendak sentuh dalam kontek syarikat.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teruskan gulung Yang Berhormat,

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya gulunglah, saya sentuh satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya dapati syarikat-syarikat dalam negara kita mengamalkan 'gearing' yang tinggi, ekuiti kita sedikit tetapi pinjaman kita besar, kalau kita ambil dahulu LOFSA. Biasanya satu ekuiti dua

pinjaman. Tetapi dalam konteks negara kita, mungkin kerana syarikat-syarikat begitu ghairah hendak ambil peluang dari segi pertumbuhan ekonomi meminjam begitu besar sampai satu ekuiti, 10 hingga 15 debt. Jadi dengan itu saya dapati dalam laporan yang saya tidak dapat untuk membuat clarification kerana saya tidak mempunyai maklumat. Negara kita adalah salah satu daripada negara yang mempunyai high debt to GNP ratio sampai 165 persen, bermakna kalau setiap RM1 yang kita perolehi, kita meminjam sebanyak RM1.65 dan kalau kita lihat dari segi GNP kita, sebahagian besar daripada GNP kita diperlukan untuk membayar pinjaman bank dan juga faedah bank. Yang saya bangkitkan perkara ini kerana sekarang kita dapati, oleh kerana penguncupan modal kewangan dalam sektor perbankan. Kita dapati kenaikan kadar faedah berlaku dan apabila kadar faedah berlaku,

dalam keadaan begini, GNP kita kebanyakannya akan digunakan untuk membayar faedah. Ini saya berharap mendapat penjelasan daripada kerajaan dan apakah langkah-langkahnya untuk kita mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila.

4.35 ptg.

Datuk Lim Si Cheng [Senai]: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam pembahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini.

Buat permulaan perbincangan saya ini, ingin saya merujuk kepada satu perkara, satu masalah kekurangan air yang sedang dihadapi oleh rakyat Malaysia pada amnya, rakyat negeri Selangor khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Bekalan Air diwujudkan untuk memastikan bekalan air yang bersih dan mencukupi dan mengawal kaedah-kaedah enakmen air untuk menjaga kepentingan pengguna. Jabatan Bekalan Air diwujudkan untuk memastikan peningkatan jangka panjang dalam bekalan air yang sempurna serta memberi pulangan balik pelaburan dalam masa jangka panjang. Jabatan ini diwujudkan untuk mengadakan latihan kakitangan yang berterusan dan meningkatkan teknologi bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini adakah tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan oleh Jabatan Bekalan Air ini benar-benar dijalankan ataupun ditunaikan. Berikutan pertambahan penduduk yang begitu cepat dengan terbangunnya bandar-bandar baru dan kawasan perumahan yang begitu banyak adakah prestasi perkhidmatan air kita juga meningkat. Dengan adanya krisis air yang sedang berlaku, ingin saya menyatakan bahawa Jabatan Bekalan Air tidak menunaikan fungsinya yang saya sebutkan tadi dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, air memang penting kepada manusia, ketiadaan air akan menjejaskan kesihatan manusia. Kekurangan air mungkin boleh mengakibatkan nyawa terkorban dalam sesuatu kebakaran. Krisis air boleh juga menyebabkan sektor industri mengalami kerugian besar sehingga boleh membawa kepada pemberhentian ramai pekerja kerana sektor perkilangan satu perkilangan yang menggunakan air sebagai sumber utama kegiatan pengeluaran mereka terpaksa dihentikan.

Tuan Yang di-Pertua, penjadualan bekalan air telah banyak membawa masalah kepada pengguna. Penghantaran lori tangki bagi pengagihan air kepada pengguna juga telah menambah beban kepada kerajaan. Sebenarnya, kekurangan air akibat perubahan cuaca tidak seharusnya menjadi alasan kukuh kerana punca air di negara kita adalah banyak dan bertaburan. Maka ingin saya cadangkan, supaya satu kajian dan perbincangan boleh diadakan

untuk menyalurkan paip yang lengkap merentas sempadan antara negeri kerana air membabitkan kuasa kerajaan negeri. Dalam hubungan ini, saya menyokong atas cadangan Majlis Air Negara itu ditubuhkan, kerana majlis ini boleh memainkan peranannya. Apa yang berlaku hari ini, ialah setiap negeri hanya memastikan bekalan air di negeri masing-masing mencukupi. Tetapi disebabkan di negara kita, kita tidak boleh mengelak daripada membantu antara satu dengan lain. Setiap masalah perlulah diselesaikan bersama. Negeri yang berlebihan bekalan sepatutnya membantu negeri yang memerlukan. Saya berpendapat, penghantaran penggunaan lori tangki agak tidak secocok dengan arus teknologi hari ini. Pengalaman kita menghadapi kemarau kali ini patutlah mengajar kita bertindak lebih profesional. Perbincangan dan seterusnya membuka saluran daripada sebuah empangan di sebuah negeri untuk disalurkan ke negeri lain lebih-lebih lagi ke kawasan yang kritikal perlu disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat laporan daripada akhbar baru-baru ini, tiap-tiap hari kita boleh tengok ramai penduduk di sekeliling kawasan Selangor ini kerja untuk membeli tong untuk menyimpan air. Juga saya menerima laporan harga tong menyimpan air ini dinaikkan dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, perlu mengadakan operasi bersepadu terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga tong menyimpan air ini secara keterlaluan kerana permintaan yang tinggi sekarang. Sebenarnya perbuatan peniaga terbabit adalah tidak wajar dan membebankan pengguna yang sudah cukup menderita tanpa bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengalih kepada Jabatan Bomba yang di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Jabatan Perkhidmatan Bomba, adalah perkhidmatan atau satu organisasi yang

memberikan khidmat kecemasan dan kemanusiaan. Sebagai sebuah organisasi yang penting dalam era pembangunan dan perubahan negara masa ini dan akan datang, khidmat yang diberi tidak boleh dinafikan baik dalam negara berkeadaan aman dan bencana. Selama ini, imej dan prestasi serta kecemerlangan yang telah ditunjukkan oleh Jabatan Bomba kurang diberi perhatian oleh masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh lihat kejadian letupan dan kebakaran Kilang Mercun Sungai Buloh pada tahun 1991, insiden kondominium runtuh di Highland Towers pada tahun 1993, kejadian tanah runtuh di Jalan Genting pada tahun 1996, kejadian bas jatuh ke gaung di Jalan Genting pada tahun yang sama, anggota Bomba dihantar untuk mencegah kebakaran di Indonesia pada tahun yang lepas serta lain-lain kejadian yang telah banyak menunjukkan khidmat dan kecemerlangan Pasukan Bomba Malaysia.

Kita akui, tugas-tugas tersebut adalah sebahagian dari tugas yang perlu dilaksanakan oleh Jabatan Bomba, tetapi apa yang ingin saya bangkitkan iaitu peralatan yang digunakan masih belum mencukupi. Ini dapat dilihat dari aspek penempatan balai-balai bomba yang strategik dan kelengkapan yang mencukupi sesuai dalam menangani dalam apa juga kejadian.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM429.7 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dalam pembangunan Jabatan Bomba. Angka ini tidak mencukupi. Ini dikira masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan peruntukan yang diberi kepada lain-lain agensi kerajaan yang penting. Saya merasakan peruntukan yang diluluskan untuk pembangunan Jabatan Bomba dalam Rancangan Malaysia Ketujuh hingga ke tahun 2000 tidak mencukupi kerana berdasarkan fungsi dan tugas Jabatan Bomba yang lebih mencabar, peralatan dan kelengkapan moden serta kakitangan perlu ditambah. Saya ingin memberi satu contoh di kawasan saya, Senai. Kawasan saya seperti kawasan yang boleh dikatakan satu kawasan yang

luas. Balai bomba yang teletak di Kulai dibina pada tahun 1960-an dengan kelengkapan sebuah kereta bomba sahaja. Hari ini, Kulai ataupun kawasan telah pesat dibangunkan, terbangunnya bandar-bandar baru, kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian, rancangan FELDA akan tetapi kelengkapan bagi balai bomba di Kulai dalam kawasan ini tidak berubah. Adakah sebuah kereta bomba dan 18 kakitangan bomba mencukupi dalam keadaan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya kawasan-kawasan industri, pembangunan-pembangunan bangunan tinggi dan sofistikated telah didirikan seperti bangunan Menara KLCC, KL Tower, juga pembinaan Lapangan Terbang yang baru (KLIA), Jabatan Bomba perlulah bersiap sedia untuk menghadapi cabaran-cabaran ini melalui kelengkapan yang sesuai dan mencukupi, latihan yang berbentuk kemahiran, pertambahan dan penyusunan semula program dan aktiviti dan penggunaan IT yang terkini. Adakah Jabatan Bomba telah mempunyai kelengkapan ini? Dari aspek perlindungan kebakaran di pulau-pulau peranginan contohnya, Jabatan Bomba perlu memberi perhatian dalam usaha menggalakkan pelancongan di dalam negara kita. Secara tidak langsung dengan adanya kemudahan kebombaannya di kawasan-kawasan tersebut akan memberi keyakinan dan galakan kepada pelancong-pelancong luar dan dalam datang ke pulau-pulau ini. Adalah tidak dinafikan juga peranan masyarakat dalam membantu usaha-usaha Jabatan Bomba dalam mencegah dan melawan kebakaran. Penubuhan Pasukan Bomba Sukarela seharusnya dipertingkatkan dan diberi perhatian oleh kerajaan terutamanya di kawasan-kawasan terpencil dan jauh dari kemudahan perhubungan.

Kejadian kebakaran asrama sekolah rendah yang mengorbankan 13 nyawa di Sarawak perlu dijadikan teladan. Kilang-kilang ataupun industri-industri perlulah disyaratkan untuk mengadakan Pasukan Bomba Bantuan, iaitu 'In-house Fire Fighter', dengan izinnya, dalam melindungi kawasan atau tempat kerja mereka sendiri. Pada keseluruhannya saya berpendapat peruntukan

tambahan perlu disediakan kerana kita masih menghadapi kekurangan balai-balai bomba, kelengkapan moden seperti fire boat, kelengkapan perlindungan diri, kemudahan-kemudahan perhubungan yang terbaru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dua perkara yang ingin saya kemukakan untuk mendapatkan perhatian kerajaan. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Teluk Intan

4.45 ptg.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Menteri Sumber Manusia berada di Dewan yang mulia ini, saya ingin bercakap satu perkara mengenai, Convention Parliament, dengan izin. Baru-baru ini Menteri berkenaan telah membuat satu percakapan dasar iaitu telah menubuhkan satu badan di mana sebanyak RM2.2 juta telah disediakan untuk pekerja-pekerja mendapat training, dengan izin. Ini adalah satu perkara dasar yang Convention Parliament iaitu Convention Commonwealth perlukan seorang menteri bila membuat perkara-perkara dasar macam ini datang ke Parlimen membuat penjelasan dan bukan di luar Dewan.

Konvensyen ini diterima pakai di negara ini, tetapi kebelakangan ini kebanyakan menteri-menteri, timbalan menteri telah terlupa bahawa mereka ini terikat dengan Peraturan 14(1)(i) iaitu Penerangan Daripada Menteri-menteri. Sebelum ini Menteri Kewangan kerap kali datang ke Dewan ini untuk memberi ucapan-ucapan dasar dan ada kena mengena dan mustahak. Ini adalah perlu

dibuat oleh semua menteri dan bukan di luar Dewan seperti semalam. Saya juga terkejut bila mendengar Menteri Pembangunan Usahawan telah membuat satu percakapan dasar di mana dikatakan beliau telah mengalirkan sebanyak lebih RM25 juta untuk menolong orang-orang mendapat bantuan.

Sebenarnya sebelum membuat ucapan-ucapan macam ini, menteri-menteri patut tahu bahawa bila Parlimen bersidang, ini adalah Dewan yang mulia, Dewan yang tertinggi di negara ini, dan mereka tidak boleh dan tidak patut mengikut konvensyen-konvensyen yang diterima pakai. Mereka patut datang ke Dewan dan membuat percakapan dasar ini di dalam Dewan dan bukan di luar Dewan. Ini adalah mustahak kerana kita perlu menghormati Dewan yang sedang bersidang dari bulan April hingga ke bulan Mei. Bila ia bersidang, sepatutnya menteri-menteri dan pihak-pihak yang ada kena mengena dengan pengeluaran dasar-dasar patut datang dan ikut peraturan.

Saya harap kerajaan akan mengambil tindakan dalam perkara ini supaya perkara ini tidak lagi diulangi dan saya juga difahamkan perkara ini telah lama terjadi dan pada hari Khamis saya berada di Dewan bila saya nampak Menteri Sumber Manusia berada di sini, saya bersyukur kerana dapat berucap tetapi tidak dapat peluang pada hari itu. Saya harap pandangan saya dapat diterima dan tindakan akan diambil oleh pihak-pihak yang tertentu.

Dato' Hj. Shukri bin Mohamed: Minta penjelasan Yang Berhormat .

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Minta penjelasan Machang, beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Hj. Shukri bin Mohamed: Yang Berhormat sebut tadi bahawa setiap ucapan dasar yang hendak dibuat oleh Menteri, mesti dibuat di dalam Dewan ini. Saya rasa cadangan ini tidak praktikal Yang Berhormat, bagaimana kalau Dewan tidak bersidang? Adakah ini bermaksud bahawa menteri-menteri tidak boleh buat kenyataan langsung selain daripada di luar Dewan? Adakah itu maksud Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Itulah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Machang ini walaupun seorang peguam, dia macam tidak faham. Saya kata bila bersidang, Parlimen bila bersidang, when on session, bila tidak sesi, tidak perlulah. Bila bersession, perlu mengikut peraturan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, beri jalan balik semula.

Dato' Haji Sukri bin Mohamed: Habis bagaimana kalau tidak ada persidangan? Adakah ini bermakna bahawa menteri tidak....

Tuan M. Kulasegaran: Kalau tidak ada bersidang, mengikut convention, tidak perlu, dia boleh buat. Boleh saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan M. Kulasegaran: Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai kedudukan kuil-kuil hindu di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah dasar nasional mengenai kuil-kuil hindu yang saya difahamkan terdapat lebih kurang 2,000 yang telah didaftarkan dan sebanyak lebih kurang 6,000 kuil-kuil hindu yang belum didaftarkan. Apakah sebab ini terjadi? Walaupun turun-menurun kuil-kuil ini dibina dan terdapat di seluruh negara di Malaysia ini, akan tetapi pihak-pihak yang berkenaan nampaknya tidak mengambil tindakan atau tidak ada satu polisi yang rasional supaya kuil-kuil yang terdapat di merata-rata tempat, kuil-kuil yang kecil

dimestikan didaftar mengikut Akta Pertubuhan. Apakah sebab-sebab ini tidak terjadi?

Saya sebenarnya telah membuka satu persoalan tahun lalu menyatakan bahawa satu polisi yang rasional dan nasional perlu diada. Tetapi soalan saya telah ditolak dan saya tidak hairanlah selepas itu muncul beberapa perkara seperti di Kampung Rawa di Pulau Pinang. Untuk mengelakkan perkara ini terjadi, saya harap kerajaan dapat mengambil satu tindakan yang tegas supaya semua kuil yang terdapat di negara ini kecil, besar, sederhana dimestikan didaftarkan supaya semua kutipan wang dapat diakaunkan, dapat diberi satu mandat kepada mereka menjalankan keagamaan mereka dengan sempurna.

Di negara ini terdapat lebih, saya difahamkan lebih dari 6,000 - 7,000 kuil-kuil yang kecil di mana kebanyakan kuil tadi di mana ada perayaan, beribu-ribu wang dikutip akan tetapi tidak ada apa-apa akaun yang perlu diberi kepada pihak-pihak yang berkenaan. Pendaftar Pertubuhan pun tidak memastikan ini terjadi dan kenapa ini terjadi?

Saya juga pohon agar kerajaan dapat memberi satu penjelasan, apakah yang akan terjadi kepada kuil-kuil yang ada di atas tanah kerajaan yang ada beratus-ratus tahun seperti di kawasan saya di Jalan Laksamana yang mana kuil itu berada di tengah-tengah jalan dan saya difahamkan kuil itu akan dipaksa keluar. Apakah kerajaan akan buat mengenai perkara ini supaya kuil ini bukan sahaja akan diberi satu tempat yang munasabah supaya kuil ini dapat didirikan dengan kerjasama kerajaan, selain dari itu juga dapat didaftarkan. Baru-baru ini Yang Berhormat dari Sungai Siput, Menteri Kerja Raya telah mempengerusikan satu forum di mana beberapa orang telah berucap membawa satu cara supaya satu jalan dapat dicari mengatasi masalah ini. Saya difahamkan di forum tersebut, beberapa orang telah dilantik untuk menyiasat perkara ini dan memberi pandangan kepada kerajaan.

Sebenarnya, walaupun kita telah merdeka lebih kurang 41 tahun, saya hairan perkara ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil sejak beberapa tahun yang lalu. Sebenarnya, kita tidak perlu adakan forum-forum macam ini. Sebenarnya kerajaan perlu mengambil tindakan yang tegas supaya perkara macam ini tidak berlaku seperti di Kampung Rawa di Pulau Pinang dan saya harap perkara ini tidak akan berlanjutan lagi dan kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas dan dapat memberi satu polisi mengenai perkara ini.

Selain dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pekerja-pekerja di sektor kerajaan. Baru-baru ini atas alasan kegawatan ekonomi, pekerja-pekerja kerajaan yang ingin bersara awal tidak dibenarkan. Satu polisi telah dimulakan. Saya rasa ini tidak patut terjadi kerana ini adalah satu polisi yang tidak rasional.

Asas saya ialah pekerja-pekerja kerajaan yang telah berumur 50 tahun dan ke atas sudah berkhidmat, ada yang telah berkhidmat lebih daripada 25 tahun dan jika kerajaan memaksa mereka melanjutkan pekerjaan mereka, mereka tidak lagi akan berhati-hati dalam pekerjaan mereka dan mereka tidak ada insentif untuk bekerja seperti untuk mendapat SSB dan sebagainya.

Jadi, kerajaan patut rasional dalam perkara ini dan ambil tindakan supaya satu polisi yang rasional dapat diwujudkan di mana baru-baru ini juga dikatakan, yang ingin bersara kemungkinan 10% daripada gratuity mereka akan dibayar dan bakinya akan dibayar apabila mereka mencapai 55 tahun. Saya rasa perkara macam ini tidak patut wujud.

Seperti yang kita semua tahu, Ahli-ahli Parlimen jika telah berkhidmat untuk 36 bulan dapat satu pencen, dapat satu gratuity jika ia telah berumur 50 tahun. Tetapi, pekerja-pekerja kerajaan perlu bekerja hingga 50 tahun dan selepas telah bekerja hingga 50 tahun tidak lagi layak untuk mendapat bersara walaupun mereka patut diberi satu keutamaan. Saya harap kerajaan dapat

memberi satu penjelasan dalam hal ini supaya ramai pekerja yang ingin bersara awal mendapat manfaat-manfaat yang tertentu.

Saya juga difahamkan, adakah benar bahawa lebih kurang 2,000 pegawai atasan di Polis Diraja Malaysia ingin bersara, tetapi oleh kerana perkara-perkara yang tertentu seperti ini, yang saya katakan sebelum ini, mereka terpaksa berkhidmat. Saya baru-baru ini telah berjumpa dengan beberapa pegawai polis yang telah mengadu kepada saya menyatakan bahawa walaupun mereka telah mendapat pangkat ASP, DSP dan sebagainya dan bila memulakan tugas mereka, elaun-elaun yang tertentu tidak lagi dibayar oleh kerajaan. Mereka menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin minta jalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Minta penjelasan. Mungkin ini pakai nama ni, DAP bukan ada macam ini persediaan untuk pilihan raya cuba nak menawan sokongan pekerja-pekerja dalam kerajaan. Ini dikatakan pegawai polis berjumpa buat laporan kepada dia, ini mungkin berjumpa kedai kopi. Saya yakin, minta penjelasan sikit, pegawai polis ada dia punya kementerian, ada saluran-salurannya yang boleh dia memberikan pandangan atau minta penjelasan. Saya minta penjelasan sedikit, bila DAP barangkali macam MCA ada apa,..MCA ada pegawai apa, Biro Pengaduan Awam. DAP ada Biro Pengaduan juga yang dipengerusikan oleh Teluk Intan bermakna semua pegawai kerajaan boleh berjumpa dengan beliau? Minta penjelasan sedikit.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, ini Rompin dia tidak tahu. Sebagai wakil rakyat lebih-lebih lagi saya sebagai seorang peguam, saya merata-rata mahkamah saya menguji, saya berjumpa dengan pegawai-pegawai polis dan berkhidmat untuk kebaikan rakyat. Bukan macam Rompin, selalu ke luar negeri [*Ketawa*], saya tahu walaupun kegawatan ekonomi.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya sudah dapat jawapan. Yang Berhormat berjumpa pegawai kerajaan di mahkamah, itu biasalah. Tapi saya ingat ada surat dia buat, saya minta temujanji dengan DAP kerana boleh menyelesaikan masalah saya. Itu sebenarnya tanggapan yang cuba digambarkan oleh Yang Berhormat. Itu saya rasa tidak betul. Itu yang saya minta penjelasan tadi. Kalau Yang Berhormat sudah menerima, sudah memberikan penjelasan bahawa yang sebenarnya Yang Berhormat berjumpa dengan mereka, itu saya terimalah. Terima kasih. Tidaklah seperti apa yang digambarkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Seperti yang telah saya beritahu, pegawai polis yang saya jumpa, ramai yang membuat aduan yang elaun-elaun mereka RM300, RM400 sebulan tidak dibayar. Saya difahamkan selain dari itu elaun petrol pun dihadkan. Saya difahamkan di satu negeri, CPO hanya diberi sebanyak 150 liter petrol. Kalau digunakan lebih dari itu, dia perlu gunakan wang dia sendiri. Adakah ini berpatutan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, minta gulung.

Tuan Ruhaine bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran: Bila saya bangun, tidak beri. Sila duduk!
[Ketawa].

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Sila gulung, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: You jangan kasi dia marah. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: Saya akan habiskan dengan mengatakan mengenai Dewan Undangan Negeri, di mana peruntukan- peruntukan telah diberi sebelum ini. Tuan Yang di-Pertua, sebanyak lebih RM50 juta telah

diberi untuk membangunkan satu Dewan Undangan yang baru di Ipoh di negeri Perak. RM52 juta, tetapi sayangnya, Tuan Yang di-Pertua, mereka hanya bersidang 10 hari satu tahun. Adakah ini perlu? Siapa yang dapat memberi penjelasan di Dewan yang mulia ini mengatakan bahawa RM50 juta kita beri untuk menyiapkan satu Dewan Undangan Negeri akan tetapi hanya digunakan 10 hari satu tahun. Dewan Undangan yang sedia ada, yang lama itu boleh dipakai, boleh digunakan, semua sistemnya sangat canggih. Apakah sebab negeri-negeri macam di negeri Perak kita perlukan satu Dewan Undangan Negeri yang baru di mana banyak benda itu dibeli di luar negeri. Benda-benda yang canggih, lebih canggih dari Parlimen yang mulia ini, tetapi hanya bersidang 10 hari satu tahun. Kita patut membuat sesuatu mengenai perkara ini. Ini bukan satu perkara yang aneh dari negeri Perak sahaja, di seluruh negara ini hanya bersidang 7 hari, 8 hari, Speaker dibayar RM7,000 untuk bekerja 10 hari satu tahun. Adakah ini berpatutan? Kegawatan ekonomi, kita patut menghapuskan gaji kepada Speaker-speaker Dewan Negeri. *[Ketawa]* Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bukit Mas.

5.05 ptg.

Tuan Michael Lisa Kaya [Bukit Mas]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa perkara dalam perbahasan ini iaitu pertama sekali mengenai kegawatan ekonomi. Sebetulnya kita sebagai pemimpin-pemimpin Barisan Nasional terus terang mengatakan kita menyokong penuh atas segala dasar yang telah dirangka ataupun dirancang oleh kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita untuk mengawal keadaan

ataupun memulihkan keadaan ekonomi yang ada sekarang ini. Sebetulnya, Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ini satu masalah yang begitu buruk sekali yang setiap lapisan masyarakat mengalami dengan secara pahit. Oleh kerana itu segala tindakan yang sesuai diambil kita setuju supaya keadaan ekonomi di negara kita dapat dipulihkan dengan sebegitu cepat.

Saya ingin mengambil contoh, Tuan Yang di-Pertua, banyak yang diperkatakan ataupun yang kita baca di dalam surat khabar, misal kata saya ingin petikkan konsep 'bail out'. Saya menyokong penuh pandangan yang diutarakan oleh rakan saudara dari Tambun tadi, yang penting itu bukan the concept of bail out ataupun restructuring, rescheduling tetapi yang penting saya ingin mengatakan di sini iaitu apakah kesannya, kebaikannya untuk negara dan masyarakat kita dan khususnya untuk kaum bumiputra secara umum selepas perancangan itu dilaksanakan. Misal kata, banyak kali kita mendengar kawan dari sebelah sana tidak setuju dengan cadangan kerajaan, misal kata tentang polisi-polisi, banking mergers ataupun mengatakan bail out companies, syarikat-syarikat gergasi yang ada kaitan dengan orang-orang kenamaan.

Yang penting ialah, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ekonomi negara kita mengalami, dengan izin, growth rate yang dapat membanggakan kita semua di mana syarikat-syarikat seperti MAS dan syarikat-syarikat gergasi yang lain dapat membantu kerajaan dari segi memberi tax untuk menjalankan pembangunan. Saya tidak akan menyebutkan syarikat-syarikat yang besar tetapi secara umumnya saya mengatakan saya setuju dengan segala rancangannya. Oleh kerana kita bukan sahaja membantu pada masa sekarang, kita harus ingat apakah peranan, sokongan yang diberi oleh syarikat-syarikat ini pada masa yang lampau kepada negara kita. Tapi di dalam kita ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Parit Sulong bangun.

Tuan Ruhaine bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan ringkas. Adakah saudara saya dari Bukit Mas sedar bahawa syarikat-syarikat juga menjadi sumber besar kepada perolehan cukai yang kemudiannya dilaburkan oleh kerajaan kepada pembangunan dan pengurusan? Terima kasih.

Tuan Michael Lisa Kaya: Terima kasih rakan dari Parit Sulong. Sebetulnya itu yang ingin saya nyatakan iaitu pada masa yang lampau daripada perolehan cukai misal kata negeri Sarawak yang masih mundur dari segi pembangunan, kita memerlukan sokongan-sokongan dari syarikat-syarikat seperti ini. Tetapi apabila kita menghadapi kegawatan ekonomi kita jangan lupa peranan mereka pada masa yang lalu. Inilah maksud saya di sini dan saya setuju lagi betul-betul apa yang diutarakan oleh saudara rakan kita sebagai Presiden Backbencher tadi iaitu untuk memberi sokongan moral kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Kita akan berdiri teguh di belakang beliau dan kita ingin supaya keadaan ekonomi negara ini dapat dipulihkan dengan seberapa segera. Kita harus berterima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita tengok keadaan di sekitar Asia Tenggara, di negara-negara yang lain tidak payah saya sebut, saya rasa sedih oleh kerana rakyat jelata menderita tetapi di Malaysia setakat ini selepas kita mengalami kegawatan ekonomi belum pernah kita mendengar beberapa bank seperti yang kita dengar daripada negara jiran, dengan izin, burst out. Belum pernah. Tapi yang penting yang kita dengar itu ada bank-bank yang besar ingin bergabung. Ini yang penting. Kita setuju Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin juga menyentuh hal mengenai peranan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN). Pernah saya suarakan pada masa kita berbahas pada minggu-minggu yang lalu, saya ingin bertanya dengan terus terang, adakah MTEN dapat diwakili oleh satu daripada Sarawak dan Sabah? Kalau tidak, apa boleh buat. Saya ingin menyarankan supaya kita dapat menerima gambaran secara keseluruhan. Misal kata di negeri Sarawak sekarang ini, di industri

pembalakan, Tuan Yang di-Pertua, mungkin sama juga di Sabah, banyak balak tetapi tidak dapat dijual tetapi pada masa dahulu syarikat-syarikat seperti ini telah membantu kerajaan negeri masing-masing, memberi peluang pekerjaan. Dengan izin, I declare my interest, I don't have any interest on this. Yang penting itu selepas mereka menghadapi masalah seperti ini, apakah yang kita hendak bantu untuk mereka? Sebab itu saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu kita membahaskan, adakah perkara ini diambil kira supaya satu kerusi dalam MTEN diberi kepada salah seorang daripada Sarawak dan Sabah juga supaya segala rancangan, perbincangan, keputusan yang telah dibuat dalam MTEN dapat disebarkan kepada negeri masing-masing kerana negeri Sabah dan Sarawak ini besar sekali, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua juga daripada Sabah dan saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan semula.

Dan sehubungan dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, misal kata dalam dua hari yang lalu saya pernah baca dalam surat khabar Star di mana di dalam satu petikan menyatakan oleh kerana projek Hydro Electric Power Bakun ini di tunda ataupun tidak diteruskan, banyak kaum Orang Ulu kaum bumiputera daripada Belaga menghadapi masalah, kerana sejumlah RM70 juta pinjaman yang dipinjam untuk membeli mesin-mesin berat, dengan izin, 'heavy equipment, heavy machine'. Dan sekiranya tidak ada orang yang mewakili Negeri Sarawak di dalam MTEN, perkara seperti begini mungkin sukar hendak disampaikan ke peringkat Kerajaan Persekutuan. Maksud saya, dengan izin, meng'highlight'kan Bakun isu ini, supaya kita faham kepentingannya, di mana di dalam MTEN segala perbincangan harus meliputi seluruh negara kita termasuk Negeri Sarawak dan Sabah. Dan saya juga berterima kasih, dan kita harus bersyukur kerana di dalam keadaan seperti begini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dapat menubuhkan satu komiti ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Libaran bangun.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan. Yang Berhormat berbicara tentang kegawatan ekonomi dan syarikat-syarikat gergasi yang mengalami kerugian besar. Saya ingin tahu sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa kedudukan atau contoh syarikat seperti PERWAJA Sdn. Bhd., dan EKRAN ini sudah banyak menimbulkan masalah sosial dan ekonomi negara. Apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Michael Lisa Kaya: Biarlah menteri jawablah padanya.[Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi itu secara prinsip ataupun in general. Tetapi kalau kita petikkan kes masing-masing, mungkin saya tidak ada berpengalaman tentang syarikat PERWAJA dan EKTRAN tapi yang penting itu saya menyatakan tadi, misal kata EKTRAN daripada Sarawak, pada masa dahulu pun beribu-ribu orang yang diberi peluang untuk bekerja dalam syarikat ini. Dan selepas mereka menghadapi masalah, tak semestinya kita melupakan mereka seterusnya, ini maksud saya tadi. Memang ada persoalan-persoalan lain itu saya minta menteri masing-masing jawablah, saya pun mahu dengar jawapan tentang great issue.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini menyentuh satu hal iaitu mengenai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya salah seorang Ahli Parlimen daripada Sarawak terus terang menyatakan betapa gembira kita di sana khususnya di kawasan Utara Sarawak, Miri, Limbang dan Lawas, berterima kasih kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Walaupun pada masa sekarang kita masih menghadapi masalah jerebu, kemarau berlarutan, tetapi sesuaiilah pada masa ini kerana kedua-dua Menteri dan Timbalan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Menteri sendiri sampai ke Sarawak, Timbalan Menteri sampai ke kawasan saya dan meninjau keadaan di sana, dan rakyat betul-betul berterima kasih. Dan juga Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah beberapa kali datang ke Sarawak, ke Miri dan ke kawasan kita di sana. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik semalam, orang di Lawas katakan terima kasih banyak-banyak khusus kepada Yang Berhormat Datuk Law Hieng Ding, iaitu mengenai keprihatinan Kerajaan Persekutuan tentang masalah yang kita hadapi di sana.

Walaupun di dalam keadaan seperti begini Kerajaan Persekutuan telah membantu sebanyak RM3.5 juta untuk Kerajaan Negeri Sarawak, di dalam keadaan kita menghadapi kebakaran yang melanda di kawasan khususnya kawasan Utara Sarawak. Tetapi yang saya ingin bertanya di sini kerana ada

Timbalan Menteri dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sebetulnya saya difahamkan Kerajaan Negeri Sarawak memerlukan RM6.8 juta, Tuan Yang di-Pertua, secara menyeluruh, tetapi yang dibantu setakat ini RM3.5 juta. Misal kata kalau boleh ditambah, saya minta penjelasan boleh ditambah sampai RM6.8 juta kerana sekarang ini keadaan di sana walaupun 300 anggota bomba di hantar ke kawasan Utara, sekarang ini telah bertukar, tetapi ada kawasan-kawasan baru, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hairan juga, ini selepas kawasan lain dipadamkan, kawasan baru pula ada kebakaran. Oleh kerana itu saya ingin dapat pandangan daripada kementerian boleh menambahkan peruntukan untuk memenuhi permintaan Kerajaan Negeri Sarawak sampai RM6.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Michael Lisa Kaya: Saya gulung boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, gulung, silakan.

Tuan Michael Lisa Kaya: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kegawatan ekonomi saya ingin sentuhkan mengenai penggabungan bank-bank, ataupun dengan izin, the mergers of the banking institution. Saya berterima kasih keseluruhan ini adalah salah satu cara untuk membantu bank-bank kita menghadapi masalah yang ada sekarang, tetapi yang saya ingin bertanya sekarang di sini iaitu mengenai apa yang kita baca dalam surat khabar kadang-kadang selepas dua tiga minggu, maklumat itu bertukar, Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang bank ini mahu bergabung dengan bank ini, selepas dua minggu bank ini pun pindah. Saya minta penjelasan dari Kementerian Kewangan ada garis panduan, oleh kerana staf-staf atau pegawai-pegawai yang bertugas dalam bank masing-masing pun mereka, dengan izin, they also black – out interm of news. Dengan itu kita harus ambil perhatian, kerana sekiranya tidak ada bantuan, pertolongan dari kakitangan sukar untuk kita hendak menggabungkan bank-bank ini. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong.

5.18 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap Kepong, ada 4 orang bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan pendekkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pendekkan kalau sekiranya boleh pendekkan. Ada berapa orang ini? Ada 5 orang, saya hendak minta Yang Berhormat tutup pada pukul 6.00 petang, oleh itu kita ada 40 minit lagi, kalau sekiranya Yang Berhormat boleh berucap 8 minit saja.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya akan pendekkan ucapan saya. Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya kerajaan mengawal - Rompin jangan bising sangat. *[Ketawa]* Saya menyeru supaya kerajaan mengumumkan mengapa pada Januari, 1996 MAS menempah 15 buah Boeing B777, dan 10 buah B747 - 400 dengan kos dianggarkan RM10 bilion, pada hal syarikat penerbangan seperti SIA sudah pun menyusun perkhidmatannya sejak lebih dua tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, saya berharap kerajaan juga boleh mengumumkan butiran mengenai cadangan penyusunan semula MAS dalam hal menubuh MAS Capital, penjualan pesawat-pesawat lebih 90 pesawat daripada MAS kepada MAS Capital, kemudian menyewa pesawat-pesawat itu daripada MAS Capital.

Yang ketiga, jumlah kerugian MAS sejak Julai tahun 1997 kerana terjatuhnya nilai Ringgit.

Keempat, ketika MAS menghadapi kesusahan, ia mestilah memberitahu umum bagaimana ia mengesyorkan untuk menangani kakitangan MAS. Apakah bilangan kakitangan MAS yang akan diberhentikan kerja? Itu antara beberapa perkaralah.

Yang kelima, saya memang menyeru supaya kerajaan menyiasat mengapa kita di dalam perubahan atau kemerosotan cyclical untuk penumpang-penumpang pesawat-pesawat kerana sekarang MAS hanya mempunyai setiap bulan hampir sejuta penumpang, padahal tahun lepas setiap bulan kita mempunyai 1.3 juta penumpang. Ini bermakna bilangan penumpang sudah berkurangan, ini cyclical, bukan sahaja kerana kejatuhan nilai Ringgit dan sebab itulah saya berharap pihak kerajaan sebagai Kementerian Kewangan yang mempunyai saham di dalam MAS membuat siasatan mengapa kita mesti membeli 15 buah Boeing B777 dan 10 buah B747-400. Adakah ini kerana saya diberitahu kick back, sogokan yang banyak, kerana kick back yang banyak ini kita mesti membeli pesawat-pesawat ini.

Dan Rompin ini memang bising sangat, jangan bising kerana ini memang saya sebagai seorang pengguna perkhidmatan MAS, Yang Berhormat di dalam negara ini dan juga di luar kalau boleh sebelum kegawatan ekonomi dan Tuan Yang di-Pertua pun sentiasa menggunakan perkhidmatan MAS. Kita mesti bersama-sama menjaga keutuhan MAS. Jangan kita membeli pesawat-pesawat kerana dikatakan sama ada ada ataupun tidak sogokan, saya pun tak tahu, dan saya akan pendekkan kerana ini memang satu perkara.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Rompin, tiada masalah. Tuan Yang di-Pertua, ketika perbahasan di Universiti Malaya, dia tidak berani soal saya langsung. *[Ketawa]* Sekarang dia hendak soal di sini.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Hai, macam mana Rompin, tiada masa, lapan minit saja.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:saya beritahu apa yang cakap nanti.

Dr. Tan Seng Giaw: Dah, dah. [*Ketawa*] Lapan minit saja, Rompin. Di luar tidak berani, di dalam berani pula. Peninglah kepala saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari memang kegawatan ekonomi dan kejatuhan nilai Ringgit telah menjejaskan MAS. Pada akhir tahun kewangan pada 31 Mac tahun lepas, MAS memperolehi keuntungan sebelum cukai lebih RM349 juta tetapi pada setengah tahun yang pertama yang berakhir pada 30 September 1997, keuntungannya sebelum cukai adalah hanya kira-kira RM47 juta.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna memang MAS akan menghadapi kesukasan. Saya bersetuju kejatuhan nilai Ringgit memang menjejaskan dan pada setahun dua yang lepas pun saya sudah menyeru pihak kerajaan supaya mengambil tindakan bersama-sama kita menghadapi dengan MAS. Sebagai pesawat nasional, kita mesti menjaga MAS tetapi sambil itu kita mesti membuat siasatan ke atas semua urusan MAS. Dengar khabarnya, saya pun tidak tahulah sama ada ini boleh disahkan oleh pihak kementerian mengenai Pengerusi Eksekutif, Tan Sri Tajuddin Ramli yang sekarang berhutang lebih RM800 juta dan kerana itu mencadangkan menubuhkan satu syarikat MAS Capital dan menjualkan lebih 90 buah pesawat MAS itu kepada MAS Capital, kemudian menyewa balik daripada MAS Capital. Saya diberitahu bahawa ini adalah amalan biasa bagi syarikat penerbangan antarabangsa, sama ada ini betul ataupun tidak, saya tidak tahu. Cuma saya berharap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh berhubung dengan pihak Kementerian Pengangkutan supaya kita dapat mengumumkan keadaan sebenar MAS.

Dan saya diberitahu bahawa sekarang di sekitar lapangan terbang ada lebih 10 buah pesawat B747 tidak digunakan, letak dengan begitu sahaja. Kemudian kita beli B777. B777 itu sayapnya lebih panjang sedikit dan lebih canggih sedikit dan kerana kita mengheboh-hebohkan, melaung-laungkan ini pesawat yang canggih yang boleh memulihkan dan meningkatkan imej MAS. Kita mesti menggunakan dan berhentikan B747 di setengah perjalanan dan gunakan B777 kerana kita membeli pesawat yang canggih ini. Apakah yang sudah berlaku dengan keadaan ini? Apakah pengurusan MAS ini, Rompin itu tengok lebih 10 buah pesawat B747 yang letak di situ saja. Takkan Rompin hendak membeli pesawat semahal itu. *[Ketawa]* Takkan dia hendak membeli pesawat itu.

Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan tidak?

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, ini lebih lagi, Yang Berhormat dari Parit Sulong bila kita ada forum di Universiti Malaya, dia tidak berani soal satu perkataan pun. *[Ketawa]* Inilah masuk ke Dewan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ahli panel mana boleh tanya soalan.
[Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Beri jalan tidak?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan tidak?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Satu soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Masa sudah habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ada seminit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Satu soalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua,.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak beri kerana kalau Parit Sulong hendak membeli pesawat B747, saya beri, hendak beli? *[Ketawa]* Marah, baru menjadi Pengerusi MARA, jangan kita menyeleweng. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya memang tahu bahawa baru-baru ini pada 12 April kita ada satu ‘Virgin Flight’ yang pertama, penerbangan yang pertama B777 daripada Kuala Lumpur ke New York.

Seorang Ahli: Maiden.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, Maiden, Maiden pun boleh, Virgin pun boleh, apa pun boleh. *[Ketawa]*

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Sibuk sangat.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Ini pakar kulit, antara ‘Virgin’ dengan ‘Maiden’ pun dia tidak tahu beza.

Dr. Tan Seng Giaw: Ada Virgin Airlines.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: ‘Maiden’ dengan ‘Virgin’ tidak tahu beza. Apalah! *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Virgin Airlines memang ada.

Seorang Ahli: Ya, ada.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Parit Sulong dengan Rompin tidak tahu wujudnya Virgin Airlines.

Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis: Virgin Airlines saya tahu, mana ada ‘Virgin Flight’. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Virgin Airlines Flight. *[Ketawa]* Macam mana tidak ada. *[Ketawa]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hei, cakap tidak tahulah! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Ketawa]* Sudah habis ke, saya pun ada buat.....

Seorang Ahli: Merapu!

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, memang, masalah beramus sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila. Habis dah?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, habis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Sipitang.

5.31 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian sedikit mengenai dengan perbincangan ini.

Kita ucapkan terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kerajaan yang telah berusaha untuk memulihkan keadaan ekonomi sekarang ini. Berbagai-bagai telah pun diusahakan untuk meredakan keadaan termasuk lawatan-lawatan, berjumpa dengan pemimpin seperti yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan lain-lain dan juga usaha-usaha pemimpin lain serta ahli-ahli ekonomi kita untuk meyakinkan rakan-rakan dan juga masyarakat seluruh dunia untuk memulihkan keadaan kita.

Tetapi kita begitu sedih, Tuan Yang di-Pertua, segala usaha ini nampaknya menjadi mainan dan ejekan kepada pembangkang. Walaupun kita bersungguh-sungguh, mereka mengambil kesempatan mengatakan bahawa kita tidak begitu berusaha. Kita minta kalau boleh pembangkang juga senaraikan cara-cara penyelesaian untuk membantu menyelesaikan masalah negara kita. Bukan cuma bercakap, mencadang ataupun membuat komen apa yang dibuat oleh kerajaan itu seolah-olah tidak baik. Cakaplah, beritahu kepada kita, apa yang harus dibuat supaya menyokong juga apa yang dibuat oleh kerajaan untuk

memulihkan ekonomi, bahawa cadangan itu adalah cadangan terbaik, yang kita ada sekarang. Bukan semua yang kita buat itu cuma negatif dan tidak baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini juga mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana telah pun berusaha menyelesaikan masalah akibat daripada kesan El-Nino di Malaysia Timur. Apa yang telah dibuat iaitu menghantar pasukan bomba ke kawasan-kawasan yang mengalami kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun melawat kawasan saya, tapi dia datang pada hari raya Tuan Yang di-Pertua. Saya sampai tidak boleh beraya pada hari itu. Kami ronda kawasan-kawasan yang terbakar tapi terima kasihlah dia telah melawat dan faham dengan keadaan.

Apa yang saya ingin katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah peristiwa kemelesetan ekonomi, peristiwa kemarau dan juga kekurangan air. Saya ingat ini patut kita jadikan satu pengajaran yang begitu besar kepada kita. Sebagai satu iktibar, sebagai satu cara jangka panjang bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Saya ingat pembuat-pembuat dasar khususnya pemimpin dan pegawai kanan kerajaan, kita tidak sepatutnya berpuas hati dengan mengadakan segala ad-hoc committee. Ada masalah air - ad-hoc committee, ada masalah kebakaran - ad-hoc committee, ada masalah kewangan yang ada sekarang ini ada ad-hoc committee. Sepatutnya masalah seperti ini kita telah melihat, telah meramalkan awal misalnya effect El-Nino. Kita telah pun diberi amaran sekurang-kurangnya enam bulan yang lalu. Masalah bekalan air misalnya di kota Kuala Lumpur ini yang dicatu memang menyusahkan tetapi sebenarnya ia juga adalah sebagai satu cara penyelesaian, kerana catuan air ini kalau kita tidak catu pengguna-pengguna akan juga boros menggunakan air.

Jadi, dengan mencatu ini pengguna-pengguna akan sedar bahawa kalau air dihantar dengan lori, mereka akan mengangkat dengan baldi naik ke rumah

masing-masing. Mereka tahu bahawa air itu begitu penting dan tidak boleh diboroskan. Tetapi kalau disalurkan melalui paip juga, Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali selagi paip itu ada air, selagi itulah dia buka paip dan sebelum habis, dia buka juga. Misalnya, memberus gigi, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat masa kita berus gigi tabiat kita buka paip, kita berus gigi tetapi air itu terus juga mengalir. Semasa kita berus gigi lebih kurang 3-5 minit, air mungkin kita gunakan sebanyak 3-10 liter kalau kita terus buka paip, mungkin lebih, tetapi kalau kita jimat, kita pakai satu gelas air, kita berus gigi. Satu gelas air 400 ml sudah cukup untuk memberus gigi. Itu gambaran bagaimana kita harus menjimat air.

Tapi apa yang penting, Tuan Yang di-Pertua, masalah seperti ini saya katakan tadi ad-hoc committee ini sepatutnya tidak timbul, kalau kita membuat perancangan yang panjang, yang mana boleh dibuat lebih awal. Tetapi kita sedih semasa keadaan ekonomi kita rendah ini kita baru ingin mengadakan menyambung paip di antara negeri-negeri. Sepatutnya sambung paip antara negeri-negeri ini kita buat semasa kita senang dahulu. Kita selesaikan masa keadaan ekonomi baik dan tentunya masalah air ini tidak menjadi rumit.

Begitu juga dengan bomba, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat bahawa banyak kawasan yang terbakar ini, daerah-daerah macam di kawasan saya sendiri sebenarnya belum ada bomba. Baharu lulus tetapi belum dibuat. Kalau ada bomba di daerah-daerah, kalau kata semua daerah, kerana ini merupakan satu keperluan.

Apabila berlaku kebakaran tentunya dapat meringankan masalah kebakaran itu. Apalah salahnya kalau kerajaan merancang dalam masa jangka panjang bahawa kita pastikan setiap daerah, setiap pekan di negeri ini mesti ada balai bombanya. Semasa kita senang dahulu, semasa kita banyak duit sepatutnya ini kita laksanakan. Kita selesaikan dahulu masalah-masalah ini. Kita pastikan semua daerah, semua kawasan yang mempunyai risiko kebakaran

mesti ada bomba. Jadi, tidaklah apabila sudah berlaku kebakaran barulah kita menggelabah bagaimana untuk menyelesaikan.

Begitu juga, dengan keadaan di luar-luar bandar, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam keadaan kita senang, kita rancang jangka panjang. Contohnya infrastruktur, saya ingat di Malaysia ini sepatutnya hubungan di antara semua daerah itu kita selesaikan dahulu. Saya sudah bercakap perkara ini di masa yang lalu. Dalam keadaan ekonomi kita baik, kita mesti selesaikan masalah ini dahulu.

Di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini yang mana jalan raya dalam pembinaan dan ada sebahagiannya belum dimulakan. Keadaan kemarau pun kita susah di mana habuknya begitu tebal, jalannya berlumpur, berpasir. Ini Ahli Parlimen Bukit Mas pun ikut jalan sini juga, Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri Kewangan pun lalu di kawasan situ semasa kemarau dan banyak lagi yang lain-lain. Keadaan ini memang menjadi masalah, sepatutnya kita bereskan dahulu urusan-urusan seperti ini semasa kita senang, semasa ekonomi baik.

Jadi, sekarang ini saya difahamkan agak lambat sedikit mungkin ada kesan daripada ekonomi. Jadi, saya mohon daripada kerajaan, daripada Menteri Kewangan janganlah dipotong, dilambatkan. Kita teruskan juga projek ini dengan kewangan yang ada kerana masalah adalah masalah rakyat yang menderita akibat daripada tidak adanya jalan yang selesa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat masa sudah habis.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua. Akhir..... Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, Yang Berhormat, Rompin.

5.38 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:

Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyertai perbincangan dan saya tertarik dengan Kepong tadi.

Kepong, ini Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja sebelum saya pergi pada isi kandungan yang saya hendak kemukakan pada petang yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat terhad.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Masa tidak ada, saya terus sahaja kepada sedikit sahaja iaitu dari segi MAS. Saya yakin dari segi kualitinya, perkhidmatannya kita mahu. Oleh itu terpulanglah kepada MAS untuk menukar kapal terbang sama ada baru atau tidak untuk meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan. Itu tidak patut kita perbesarkan.

Berbalik kepada isu yang saya ingin kemukakan, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita mendengar kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang perlunya syarikat-syarikat bumiputera dibantu. Saya ingin bangun menyokong saranan itu kerana kalau kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, dari segi syarikat-syarikat bumiputera, mereka ini memasuki pasaran baru pada hal mereka ini baru dalam pasaran, a new players, dengan izin.

Bermakna kekukuhan intrinsic kekuatan dalamannya kurang - intrinsic strengthnya kurang.

Yang keduanya, oleh kerana mereka ini baru dalam bidang penerokaan, modal pusingannya banyak bergantung kepada pinjaman. Sebab apa dia punya saving, dengan izin, sumber kewangannya masih baru tidak besar seperti kawan-kawan dia, rakan-rakan daripada bukan bumiputera.

Yang ketiga, nextworkingnya kurang juga, dan pasarannya banyak bergantung kepada kerajaan. Dalam suasana ekonomi yang begini, sudah tentu mereka ini akan menghadapi masalah amat besar. Bermaknalah kalau kita tidak bantu Tuan Yang di-Pertua, ekuiti yang pada sekarang ini kita jangka sebelum masalah ekonomi yang ada Tuan Yang di-Pertua, pada

jangkaan 20%. Ada unjuran yang mengatakan bahawa kalaulah syarikat-syarikat bumiputera ini, kalau tidak dibela dan dibantu, bukan semua hendak dibela dan dibantu, seperti Tumpat, dia kata hendak mati, hendak diselamat - itu bukan, ini yang berwibawa, yang berdaya maju Tuan Yang di-Pertua. Pengurusan ada, pasaran ada, produknya ada, teknologinya ada, tetapi oleh kerana kejatuhan mata wang, kejatuhan pasaran saham, yang kedua yang penting juga, ini bila pinjaman (loan) itu kurang dari 30%, 15%, yang kesan pada mereka amat berat.

Saya nampak di sana kawan-kawan saya, Kota Melaka, bukan Kota Melaka dia tidak datang, Kepong datang, ini Kepong datang dia paling seronok hari itu, saya terkejut mengapa Kepong hadir sepatutnya dia berada bersama dengan Kota Melaka, membantu Kota Melaka dalam suasana begini. Ini tidak, ini takut ada benda 'udang di sebalik batu', yang sebenarnya Kepong ini. Malam itu, saya berterima kasih Kepong, DAP, menerima bahawa perlu dibantu untuk mengurangkan imbalan bumiputera, terima kasih, DAP. Dahulu tidak sokong, sekarang sokong, tetapi hendak sokong kalau boleh biar bukan pada mulut, tetapi biar pada hati dan pada pelaksanaan juga.

Berbalik isu ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa yang menghadapi masalah sekarang ini, kita tidak mengatakan yang bukan bumiputera tidak menghadapi masalah - tidak, ada juga syarikat-syarikat bukan bumiputera ada juga yang ada masalah, tetapi pokoknya, majoriti yang besar Tuan Yang di-Pertua, merupakan syarikat-syarikat bumiputera, seperti yang saya kata tadi, mereka baru tidak kukuh, modal pusingannya kurang bergantung kepada pinjaman networkingnya tidak kukuh, pasarannya bergantung kepada kerajaan. Bila kerajaan akan potong perbelanjaan pembangunan mereka, di kawasan saya, kawasan Yang Berhormat sekalian, ini kontraktor kelas F, banyak mana lagi peruntukan kerajaan yang ada.

Kita mengucapkan syabas kepada kerajaan, diperkenalkan concept safety net, dikeluarkan pinjam RM1 bilion dengan World Bank, mengapa tidak kita pinjam lagi, mengapa tidak? Amerika Syarikat, budget mereka tidak balance Tuan Yang di-Pertua, diunjurkan hanya balance tahun 2002, tetapi pertumbuhan ekonominya baik, mereka bergantung pinjaman dengan Jepun dengan melalui bon. Dia beli bon-bon Jepun, yang sebenarnya ekonomi Amerika, bergantung kepada wang Jepun, bermakna tidak perlu, apa salahnya kalau kita pinjam yang kita mampu boleh bayar kembali. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong saranan, kalau boleh kita mahu. Ini sebab Kota Melaka, dia kalau perkara begini, kita tidak mahulah cerita masalah yang dihadapi, tetapi pokoknya, kalau kita sayangkan negara kita, sebab apa Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi, banyak syarikat juga, yang diterokai oleh bumiputera juga syarikat-syarikat yang menerokai bidang strategi negara. Kalaulah tidak difikirkan untuk menyelamatkan masyarakat bumiputera, adakah patut kita biarkan syarikat-syarikat ini yang menggerakkan industri-industri negara ini jatuh ke tangan orang lain?

Syarikat-syarikat dalam pasaran saham, Tuan Yang di-Pertua, harganya pada peringkat Nett Tangible Asset (NTA) dengan izin, amat murah. Memang ada ini, fund-fund luar negara, Tuan Yang di-Pertua, dipanggil vulture fund, 'v-u-l-t-u-r-e' memang wang-wang ini, boleh datang masuk membeli syarikat-syarikat di negara-negara di mana ekonomi mereka ini jatuh, untuk mendapatkan syarikat-syarikat yang strategi ini dengan cara murah Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak tertanya-tanya, mungkin orang tidak terima, mungkin DAP tidak terima. Tetapi adakah kita tanya, adakah ini tidak merupakan agenda yang terbawah sekali atau agenda yang sampingan mereka, mereka gunakan senjata modal yang besar menjatuhkan pasaran saham kita, dengan adanya peluang ini untuk mereka membeli syarikat kita dengan murah - 'for the sale', ada 'for the sale' dengan

izin, Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita nampak, bahawa kita kena kaji kembali, jangan kita ikut sangat nada mereka, IMF negara luar Tuan Yang di-Pertua. Mereka tetap dengan agenda mereka, Amerika tetap dengan agenda Amerika, sebab itu kita bersyukur, kita tidak perlu sekarang melutut kepada minta bantuan IMF. Tidak tahulah kawan saya sebelah sana, mereka mahu kita melutut ke negara luar, saya yakin Kota Melaka tidak, Kepong tak tahu. Tetapi adakah kita mahu merangkak pada mereka minta bantuan, tidak tahulah kalau Tumpat mahu begitu, saya tidak tahu Tuan Yang di-Pertua.

Adakah PAS mengesyorkan Malaysia pergi merangkak, melutut meminta bantuan orang luar, adakah elok kita berjumpa, kita patut sekarang duduk - berdiri, cuba bergerak dan memulihkan kita sesama sendiri, mengapa tidak? Yang perlu kita bela Tumpat, ialah mereka yang ada daya maju, yang ada kekuatan intrinsic dalam syarikat mereka. Produknya ada, tekniknya ada bukan kita menyelamatkan yang sudah masuk dalam bilik mayat. Ini Tumpat, kalau datang dari bawah itulah ulasan mereka. PAS tiada modal lain lagi dah. Sebab itu saya syor, kalau Tumpat buat betul dalam debate Universiti Malaya nanti, mari datang, boleh kita bahas bersama. Sebab itu Mustapha Ali kita bersetuju, nampaknya PAS Kelantan tidak bersetuju dengan PAS Terengganu, cara dia lain, betul, sebab itu PAS dihormati, Ketua PAS Kelantan itu sebagai pemimpin PAS Nasional, dia tidak terima Dato' Fadzil di Kedah itu sebagai PAS Malaysia, Nasional, dia tidak terima, betul tak Tumpat? Dia tidak bangun, memang betul.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagilah menyokong yang terakhir, kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja tentang pendidikan. Sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan ini.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, banyak anak muda memasuki universiti, masalahnya ialah pinjaman. Ada pinjaman tidak banyak wang peruntukannya kecil, saya minta kementerian kaji sedikit mengapa tidak menggunakan konsep CGC. Kerajaan gerenti pinjaman 50%, pinjaman kepada anak-anak murid untuk pergi masuk universiti, yang pertama. Ini tiga universiti TNB, Petronas dan Telekom. Kita dengar penuntut-penuntut yang memasuki ketiga-tiga universiti ini masih juga minta wang pinjaman dengan Kementerian Pendidikan. Mengapa ini? Sepatutnya TNB, Petronas dan Telekom, patut biayai pinjaman pusingan mereka yang tersendiri. Petronas ada wangnya, TNB ada wangnya, Telekom ada wangnya, mengapa juga perlu mendapat wang pusingan pinjaman daripada kerajaan juga. Saya minta kementerian arah mereka ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kota Melaka.

5.48 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menimbulkan dua perkara sahaja, yang pertama ialah tentang permohonan, tentang tambahan keempat bagi tahun 1997, sebanyak RM7.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terkejut dengan permintaan bahawa ada perbelanjaan tambahan, lebih-lebih lagi apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menyatakan bahawa kerajaan untuk menjimatkan urusan kewangan kerajaan, akan memotong semua perbelanjaan bagi semua kementerian sebanyak 18%. Kalau begitu, mengapakah perlunya kita ada satu permohonan anggaran perbelanjaan

tambahan. Bukankah ini bercanggah dengan apa yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan kali ini permohonan yang diminta adalah agak besar sedikit RM7.5 bilion, satu jumlah yang saya rasa agak luar biasa dan akan menggagalkan usaha pihak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk memulihkan keadaan ekonomi.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang usaha pihak kerajaan sebagai satu langkah memulihkan keadaan ekonomi ialah menerusi penyelamatan atau bail out syarikat-syarikat tertentu yang menghadapi masalah.

Di sini, saya ingin bertanya sebelum mendalami perkara ini, saya ingin bertanya kes Bakun seperti yang disentuh secara terperinci RM430 juta yang dipohon untuk meneruskan projek Bakun. Apakah sebabnya ia dipohon lagi sedangkan projek Bakun ini sekarang sudah pun ditangguhkan dan di sini bukan RM400 juta tetapi RM40 juta. Bukankah ini dinyatakan bahawa due diligence yang dijalankan oleh pihak syarikat perakaunan masih belum dijalankan. Kalau begitu, mengapakah kita perlu mengeluarkan wang RM40 juta bila due diligence yang dijalankan oleh Price Waterhouse ini masih belum selesai. Bolehkah kita dapat tahu apakah kedudukan Bakun sekarang. Adakah ia akan dipulihkan sepertimana yang dilaporkan oleh surat khabar tertentu atau adakah perkara ini akan ditangguhkan selama-lamanya sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana nampaknya kita ada dua kedudukan: satu ditangguhkan, satu mungkin diteruskan. Dan adakah benar bahawa Tan Sri Ting iaitu Pengurus Projek Bakun akan menjualkan Projek Bakun ini kepada pihak lain, dan saya berharap bahawa pihak kementerian boleh memberikan penjelasan yang lebih mendalam tentang kedudukan Bakun sekarang. Apakah bayaran yang akan dibuat kepada Tan Sri Ting selepas menjalankan due diligence dan apakah kedudukan Bakun.

Kedua, tentang industri-industri strategik seperti Perwaja, selain dari Bakun. Adakah benar Perwaja masih mengalami kerugian sebanyak RM10 juta seminggu, iaitu dijangka sekurang-kurangnya akan rugi RM520 juta setahun, dan kalau kita terus memberikan suntikan ke atas projek Perwaja, bukankah ini dengan izin, *trained good money after bad*, memandangkan kalau kita lihat pasaran yang sedia ada sekarang sudah hilang langsung. Mana ada industri yang sangat perlukan bahan-bahan yang dikeluarkan oleh Perwaja apabila semua industri menghadapi *down seizing*. Kalau begitu saya amat khuatir bahawa kemungkinan besar kerugian yang dialami oleh Perwaja melebihi RM10 juta seminggu dan saya harap pihak kementerian boleh menjelaskan apakah kedudukan terperinci Perwaja khususnya. Nampaknya tidak ada sebarang tindakan yang diambil ke atas salah pengurusan dan penyelewengan yang berlaku dalam Perwaja. Apakah kedudukan terakhirnya?

Sebagai satu rumusan tentang usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi dengan membeli atau menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu, saya rasa dari segi kewangan atau dari segi pengurusan perniagaan ini adalah sesuatu yang akan menakutkan pelabur-pelabur asing. Kalau kita hendak memberikan penyelamatan, kita boleh memberikan suntikan ekuiti, tetapi kalau menyalahkan syarikat yang menghadapi kerugian, *this is not of back-ward step* tetapi sesuatu yang akan mencederakan ekonomi negara kita. Mana ada perniagaan di dunia, kalau mereka untung, keuntungan mereka masuk kocek, tetapi bila mereka rugi ia akan diselamatkan, ia akan di 'bail out' oleh rakyat Malaysia dan saya rasa itu sesuatu keadaan yang tidak boleh diterima langsung.

Saya percaya kalau skim penyelamatan ini dilakukan, ia akan dilaksanakan ke atas syarikat-syarikat tertentu sahaja. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh golongan-golongan tertentu yang ada hubungan rapat, yang merupakan kawan baik kepada pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional. Apakah kriteria yang akan dipakai oleh pihak kerajaan untuk menentukan mana

syarikat yang perlu ditolong, mana syarikat yang terus dibiarkan mati atau hanya syarikat besar yang akan ditolong, manakala syarikat kecil boleh dibiarkan mati. Saya rasa kita mesti, kalau kita hendak ikutkan pasaran terbuka we must be subject, dengan izin, subject to the law of open market competition. Kalau syarikat ini tidak efisien, ia mesti menerima hukuman pasaran. Ia tidak boleh mendapat penyelamatan daripada rakyat, macam Perwaja. Kalau Perwaja lingkup - kita tidak harap Perwaja lingkup, tetapi dengan keadaan pasaran yang sedia ada mungkin ia akan lingkup. Siapa yang akan tanggung kerugian Perwaja? Semua pinjaman yang dibuat oleh Perwaja adalah dari KWSP dan KWSP adalah milik rakyat. Akhirnya rakyat Malaysia yang akan rugi.

Saya menolak sama sekali logic perverse, inlogic Perdana Menteri bahawa kita mesti bantu syarikat ini supaya mereka boleh bayar cukai. Saya percaya wang yang kita terpaksa laburkan untuk selamatkan mereka jauh lebih besar daripada jumlah cukai yang mereka boleh bayar. Ini tidak akan berlaku di negara-negara lain dan tadi ada seorang Yang Berhormat yang sebut tentang defisit yang dialami oleh Amerika Syarikat. Ini perkara lain, kalau kita cakap tentang dollar compatibility, ini tidak timbul masalah langsung. Saya harap bahawa sekurang-kurangnya kita boleh mendalami prinsip ekonomi yang asas, jangan hendak cakap yang bukan-bukan, seperti cakap pasar kerana ini ialah prinsip asas ekonomi yang tidak boleh dipermainkan atau diperkudakan supaya kita boleh selamatkan orang-orang tertentu. Janganlah kita, untuk menyelamatkan syarikat-syarikat tertentu kita sedia korbankan ekonomi negara. Saya rasa....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun, hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf, saya tidak ada masa. Siapa makan cili, mungkin dia rasa pedaslah. *[Ketawa]* Oleh sebab itu saya harapkan seperti yang dilaungkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana

Menteri, saya rasa dia pun tidak akan bersetuju tetapi nampaknya dasar kewangan sekarang bukan dibuat oleh Menteri Kewangan, tetapi dibuat oleh orang-orang lain. Sungguhpun namanya Menteri Kewangan, tetapi dari segi kuasanya bukan sepenuhnya menentukan dasar kewangan. Ini yang penting, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tutup dulu ucapan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, jangan biarkan ekonomi kita untuk satu dua orang sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Usul, sila bacakan usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

5.55 ptg

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 di bahaskan di peringkat Dasar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:- Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada sebuah usul mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 di bahaskan di peringkat Dasar.

hendaklah dipersetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1997) 1998 di bahaskan di peringkat Dasar.

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kuala Pilah.

5.57 ptg.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana diberi peluang saya untuk turut sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan kita yang dibahaskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali dalam masa yang singkat ini, izinkan saya juga menyentuh dari segi apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka sebentar tadi berkenaan Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah kerap kali kita bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini, dan pihak kerajaan telah menyatakan masalah Perwaja adalah sesuatunya masalah yang telah pun disiasat, pihak yang berkenaan telah pun mengambil tindakan dan semua sedia maklum bahawa siasatan oleh pihak yang bertanggungjawab seperti BPR contohnya telah

pun baru selesai, kerana permasalahan Perwaja ini melibatkan banyak perkara yang perlu diambil siasatan di luar negara. Bagi pihak penyokong kerajaan, kita juga prihatin dalam perkara ini dan banyak rakan daripada penyokong kerajaan menyuarakan perkara ini. Baru-baru ini pihak BPR telah pun selesai dalam siasatannya dan telah menyerahkan kepada Peguam Negara. Pihak pembangkang seolah-olah menimbulkan perkara ini, menggambarkan kerajaan tidak mengambil tindakan dan juga memutarbelitkan seolah-olah adanya bail out dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak pembangkang sepertimana biasalah hanya membesar-besarkan, memutarbelitkan perkara ini untuk mengelirukan rakyat. Sebenarnya apa yang kita sedia maklum, tindakan dan siasatan oleh pihak BPR telah pun selesai dan sekarang hanya menunggu keputusan pihak Peguam Negara. Saya berharap pihak Peguam Negara juga jangan melambat-lambatkan perkara ini supaya pihak yang bertanggungjawab dibawa ke muka pengadilan jika ada '*prima facie case*' dalam perkara ini. Saya percaya dan yakin pihak kerajaan tidak akan memilih bulu, tidak kira apa pangkat dan status sekalipun, sudah sewajarnya perkara ini dibawa ke pengadilan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua yang saya ingin bangkitkan ialah mendaulatkan penggunaan Bahasa Malaysia masa kini. Kita sedia maklum perkara ini 40 tahun kita telah mencapai kemerdekaan, dan sudah

sampai masanya seluruh rakyat Malaysia yang cintakan bangsa dan negaranya, tentu sekali boleh menggunakan Bahasa Malaysia dengan baik.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada ramai generasi muda masa kini boleh bertutur dan menggunakan Bahasa Malaysia tanpa mengira bangsa dan keturunan dengan cukup baik sekali. Dalam konteks ini, saya hanya hendak menekankan penggunaan Bahasa Malaysia dalam bidang penghakiman dan guaman. Kita sedia maklum bahawa dalam Perlembagaan dan peraturan-peraturan telah diambil tindakan oleh pihak peguam ataupun pihak kehakiman yang mana menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di semua peringkat mahkamah rendah, sesyen ataupun mahkamah tinggi.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyarankan, sekarang ini memang segala usaha telah dijalankan dan pihak-pihak tertentu menggunakan seberapa boleh penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Satu perkara yang saya ingin tegur di sini ialah sikap setengah-setengah peguam, setengah-setengah hakim yang telah lama ataupun dari dahulunya tidak langsung hendak mengambil inisiatif berusaha sedaya upaya untuk menggunakan Bahasa Malaysia. Dan kadangkala dia hanya mengambil kesempatan dengan adanya kemudahan-kemudahan yang menyatakan dia tidak begitu fasih, maka penggunaan bahasa Inggeris digunakan.

Saya berasa amat gembira, setidak-tidaknya bukan saya nak mengampulah, tetapi setidak-tidaknya seperti Yang Berhormat dari Jelutong, sungguhpun beliau dahulu saya rasa tidak ada pun belajar Bahasa Malaysia semasa beliau belajar tetapi penggunaan bahasanya boleh kita pakailah dan kita fahami. Persoalannya sekarang ini, dalam judgement ataupun tulisan penghakiman masih lagi di peringkat mahkamah tinggi, banyak menggunakan bahasa Inggeris. Soalnya di sini, sama ada hendak atau tidak hendak sahaja. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Saya harap benar-benar bahawa setidak-tidaknya badan kehakiman dan guaman ini membuat satu tarikh tertentu

ataupun jangka masa untuk mendaulatkan Bahasa Malaysia supaya dapat kita praktikkan sebenarnya.

Yang kedua dari segi bahasa ini, kita tahu sekarang media cetak dan media elektronik, televisyen dan sebagainya dan televisyen yang dipunyai oleh kerajaan, fahamlah nampaknya memang dapat kita kawal dan selia dengan baik tetapi dengan banyaknya badan-badan yang diswastakan yang nampaknya tidak begitu bersungguh-sungguh menggunakan bahasa dengan baik yang mencampur-adukkan dan kadangkala mencemarkan bahasa kita dan apabila berlakunya siaran-siaran jelas sekali terdapat pencemaran bahasa yang cukup menyedihkan kita.

Saya harap Kementerian Penerangan supaya sentiasalah peka dan prihatin kerana kita tidak mahu melihat bahasa kita itu dipermain-mainkan dan ada juga kadangkala artis-artis yang muda-muda hendak menunjukkan glamour ataupun seolah-olah menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia. Dan ini saya rasa elok kita kurangkan supaya kementerian memberi satu teguran yang betul-betul serius kerana lesen-lesen mereka ini adalah di tangan kementerian. Andainya mereka itu gagal mematuhi syarat dan sebagainya, sudah sewajarnya kementerian mengambil tindakan yang tegas. Baru sahaja kebelakangan ini, Menteri Penerangan telah memberi satu teguran dan amaran, saya harap jangan setakat amaran sahaja, tindakan positif mesti diambil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dari segi penswastan dan pengkorporatan. Dari segi dasarnya, kita menyokong penswastan kerana banyak menimbulkan kebaikan dan mengurangkan kos perbelanjaan dan sebagainya, mempertingkatkan prestasi mutu perkhidmatan sealiran dengan kehendak badan-badan cara penswastan.

Persoalannya sekarang ini, saya ingin memberi pandangan tidak semua penswastan itu mendatangkan kebaikan dan contohnya telah jelas sekali bahawa yang ada melibatkan memberi perkhidmatan kepada rakyat seperti air.

Contohnya, Syarikat Puncak Niaga telah diberi peluang untuk mendapat konsesi penswastaaan air. Air ini adalah penganugerahan Tuhan dan sudah semestinya perlu dikawal selia, ditadbir dengan baik. Dan apabila air ini diswastakan, sepertimana permasalahan timbul hari ini, bermacam-macam kerenah dan juga sebelum diswastakan, saya hendak melihat supaya sikap pegawai-pegawai di Jabatan Bekalan Air kerana saya sendiri pernah mengalami apabila berlaku pecahan paip dan banyak kita dengar di akhbar-akhbar dan rungutan rakyat yang begitu peka dan prihatin kepada masalah ini melaporkan kepada pihak yang berkenaan. Tetapi reaksi pegawai-pegawai atau pekerja-pekerja JBA ini amat mendukacitakan. Dia tolak-menolak antara satu dengan lain dan apabila berlakunya pecah paip, sebulan, dua bulan, tidak kisah. Ini pun patut diambil tindakan dan andainya terdapat pegawai-pegawai yang begitu ketara sekali kurang efisien, tindakan sewajarnya patut diambil dengan setegas-tegasnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak sentuh juga berkenaan syarikat-syarikat yang telah diswastakan, mereka ini hendaklah diadakan satu prasyarat kerana sekarang ini syarikat-syarikat ini tidak ada batasan, mewujudkan anak-anak syarikat dan apabila syarikat ini diswastakan, mereka mewujudkan anak-anak syarikat yang akan mengambil segala kemudahan perniagaan dalam apa sahaja berkaitan dengan aktiviti-aktiviti yang berkenaan. Dan ada kalanya juga mereka ini akan transfer, dengan izin, wang kepada anak syarikat yang akhirnya syarikat induknya lemah dan akhirnya tidak bermaya lagi. Andainya ini berlaku, saya menyarankan supaya kerajaan memikirkan syarat-syarat tertentu diadakan supaya sebelum anak-anak syarikat ini boleh diwujudkan oleh ibunya maka sudah sewajarnya diberitahu pihak-pihak berkenaan seperti adanya kawal selia oleh Registrar of Company, dengan izin, atau Pendaftar Syarikat untuk menentukan supaya jangan seluas-luasnya

mereka ini menubuhkan anak-anak syarikat hingga kadang kala dari segi accountability mereka tidak dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta tutup ya.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyebut seperti mana sekarang ini, baru-baru ini saya ada bangkitkan kedudukan ekuiti 30% harapan kerajaan dari segi penglibatan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara. Jawapan daripada sahabat saya Menteri amat saya hormati bahawa tidak boleh dinafikan di antara kegagalan kita mencapai tahap itu adalah disebabkan oleh bumiputera sendiri dari segi sikap yang tidak begitu proaktif dan positif.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, orang-orang bumiputera yang duduk di luar bandar permasalahan ekonomi, sosialnya masih lagi ditaraf yang lama dan sudah sewajarnya pihak kerajaan mengambil sikap yang betul-betul tegas untuk membuat satu saluran ataupun unjuran seperti PNB, ASB dan ASN. Syarikat-syarikat ini perlu juga apabila mewujudkan anak-anak syarikat, jangan sewenang-wenangnya mewujudkan anak-anak syarikat yang tidak boleh dicontrol dengan begitu baik.

Tabung Haji contohnya, sekarang ini masyarakat orang Melayu, orang Islam, banyak melabur di Tabung Haji. Tetapi Tabung Haji juga banyak mewujudkan anak-anak syarikat yang kadang kala tidak diketahui telahpun di MBO. Ini pun hendaklah diambil perhatian supaya pelabur-pelabur yang ingin mendapatkan sedikit sebanyak dividennya itu dapat dicapai. Andainya ibu syarikat itu tidak membuat keuntungan, bagaimanakah dividen hendak diberi kepada kumpulan bumiputera yang mengharapkan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabalu selepas itu menteri menjawab.

6.10 ptg

Tuan Henrynus Amin [Kinabalu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membawa kepada perhatian Dewan ini satu dua perkara dalam masa yang singkat ini.

Pertama mengenai dengan soal pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, kita boleh berbangga bahawa Malaysia merupakan salah sebuah negara yang telah melabur wang yang begitu banyak dalam pembangunan pendidikan. Dan kita juga berterima kasih oleh kerana pada tahun ini misalnya tahap pencapaian di peringkat SPM di negeri Sabah telah meningkat. Namun ini tidak bermakna bahawa kita sudah berpuas hati dengan prestasi pembangunan pendidikan di negeri Sabah, khususnya di kawasan saya sendiri di daerah Ranau iaitu di kawasan Kinabalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa kepada perhatian Dewan mengenai beberapa masalah yang sedang dihadapi oleh rakyat di kawasan Ranau berhubung dengan pembangunan pendidikan. Baru-baru ini sekumpulan orang-orang kampung yang telah diketuai oleh seorang bernama Janny Sekunir telah berjumpa saya dan melaporkan kepada saya meminta penjelasan mengenai dengan kenyataan pegawai pendidikan daerah yang telah datang ke kawasan Kampung Kinanam, di Ranau bersama-sama dengan satu rombongan parti politik dan beliau telah berucap dan mengeluarkan kenyataan seperti berikut. Saya harap kalau ada wakil jabatan pendidikan di sini take note. Beliau mengatakan bahawa sekiranya orang-orang kampung itu tidak menyokong pada parti-parti tertentu selepas pilihan raya akan datang, beliau sudah mempunyai surat untuk memindah, menutup sekolah ini dan pindahkan ke tempat lain. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan demikian yang telah diungkapkan oleh seorang pegawai pendidikan daerah telah menimbulkan keresahan di kalangan penduduk kampung yang merasakan bahawa mereka telah diugut untuk menyokong parti-parti tertentu dan kalau tidak menyokong parti tersebut maka kemudahan sekolah itu akan dipindahkan.

Kampung Kinanam ini Tuan Yang di-Pertua letak terlalu jauh daripada Pekan Ranau, lebih kurang mahu 40 - 50 kilometer dan tidak ada jalan raya sampai ke kampung tersebut kecuali jalan raya menerusi jalan kayu balak. Dan kita boleh bayangkan Tuan Yang di-Pertua, sekiranya seorang pegawai kerajaan, pegawai pendidikan daerah berani untuk mengeluarkan ungkapan seperti demikian untuk kepentingan politik. Saya juga telah mendapat laporan bahawa pegawai ini telah masuk kampung keluar kampung pernah bertanya beliau kononnya mengatakan “kalaulah saya bertanding di kawasan ini, saya boleh menang ataupun tidak?” Rupa-rupanya beliau ini memang mempunyai minat, mempunyai niat berpolitik di kawasan itu dan menyokong parti politik tertentu. Malah telah bertanding dalam pertandingan bahagian tetapi tewas. Tetapi niat untuk bergiat dalam politik masih ada.

Persoalan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah dasar Kementerian Pendidikan membenarkan pegawai-pegawai kerajaan khususnya mereka yang kanan untuk melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan politik dan mempengaruhi keadaan-keadaan pembangunan pendidikan di kawasan-kawasan tertentu. Dan yang satu lagi masalah timbul, daripada pegawai yang sama juga ialah ugutan-ugutan mengenai kanak-kanak yang tinggal di asrama.

Saya telah mendapat laporan dalam hampir setiap lawatan saya di kawasan saya dan apabila bertanya apakah isu-isu di kawasan ini? Mereka berucap dan mengungkapkan bahawa, pertama yang paling mereka takut adalah sekiranya mereka terus terang untuk menyokong parti-parti pembangkang bahawa anak-anak mereka yang bersekolah kalau ada biasiswa akan dipotong biasiswa.

Yang kedua, anak-anak mereka yang tinggal di asrama akan dikeluarkan dari asrama ataupun dipaksa untuk membayar dan tidak akan mendapat kemudahan seperti bantuan buku-buku dan lain-lain lagi. Maka orang-orang kampung Tuan Yang di-Pertua merasa takut, merasa terugut dan melaporkan ini

kepada saya selaku Ahli Parlimen dan minta penjelasan. Kepada mereka adakah perkara ini benar ataupun tidak? Dan saya berkali-kali memberi jaminan kepada orang kampung membawa ini bukanlah dasar Kementerian Pendidikan. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua ini bukan dasar Kementerian Pendidikan. Oleh kerana daripada jawapan soalan saya pun sudah jelas. Tetapi perkara ini dilakukan oleh pegawai-pegawai kerajaan yang mempunyai agenda tersendiri.

Jadi kita mintalah kepada Menteri Pendidikan di Dewan yang mulia ini dan juga kepada pegawai-pegawai pendidikan supaya mengambil perhatian secara serius mengenai dengan kegiatan pegawai pendidikan ini dan saya boleh sebut nama dia kalau diperlu. Saya fikir tidak perlu di sini, kita tahu siapa Pegawai Pendidikan Daerah Bahagian Ranau. Dan kita mahu perkara ini dihentikan oleh kerana saya telah berjanji kepada orang-orang kampung Tuan Yang di-Pertua bahawa saya akan berjumpa kepada Pegawai Pendidikan Daerah dan membawa kes mengenai Kampung Kinanam ini. Oleh kerana mereka akan membuat satu surat memorandum ditandatangani secara beramai-ramai dan sebenarnya minggu yang lalu mereka pergi kepada surat khabar (news paper) untuk melaporkan perkara ini tetapi tidak jadi dan mereka langsung ke tempat saya. Jadi saya minta, mungkin saya boleh beri tempoh kepada Kementerian Pendidikan untuk menyiasat perkara ini dan memberi penjelasan kepada saya selaku Ahli Parlimen di kawasan Kinabalu. Dan saya juga akan menulis surat kepada menteri dan juga mungkin kepada pegawai pendidikan, Pengarah Pendidikan Bahagian Sabah untuk minta penjelasan daripada beliau mengenai dengan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pendidikan di kawasan Ranau itu juga, saya dapati bahawa banyak sekolah rendah di kampung-kampung, apabila keluar keputusan UPSR ada kampung Tuan Yang di-Pertua, langsung tidak ada seorang budak pun lulus. Semua gagal.

Saya telah mendapat laporan daripada beberapa buah sekolah bahawa guru-gurunya kadang-kadang tinggal satu yang mengajar, dua yang mengajar, yang lain ke Kota Kinabalu, ke tempat-tempat lain tetapi tidak ada tindakan. Ada satu kampung di S.K. Kinanam juga guru besarnya sudah berbulan-bulan tidak datang ke sekolah itu. Masih guru besar. Tinggal tiga guru yang mengajar tetapi masih tidak ada tindakan daripada Jabatan Pendidikan, dan ini kita persoalkan oleh kerana apabila saya memikirkan tentang rancangan kerajaan yang begitu indah. Sekolah bestari untuk membangun kanak-kanak kita ke tahap mempunyai pendidikan komputer, sedangkan di negeri Sabah, Tuan Yang di-Pertua, kita belum sampai ke tahap itu. Belum sampai ke tahap untuk membuka sekolah-sekolah bestari. Belum sampai ke tahap untuk menyimpan komputer di dalam setiap sekolah.

Kita masih berada di tahap di mana bangku sekolah tidak cukup, meja tidak cukup, guru tidak cukup, bangunannya tidak ada. Dan yang sedih Tuan Yang di-Pertua, apabila saya pergi ke kampung sebelah Kampung Tibabar, Kampung Tekibang misalnya, saya dapati bahawa kanak-kanak sekolah berjalan kaki berbatu-batu. Terlalu jauh sekolah, tidak ada sekolah dan kita minta perkara ini diberi perhatian supaya kita juga dapat memberi peluang kepada anak-anak di desa, anak-anak kampung untuk turut sama-sama menikmati pembangunan di negara ini melalui pencapaian di dalam bidang pelajaran.

Saya juga telah mendapat laporan Tuan Yang di-Pertua, di Kampung Tibabar juga mereka telah membina satu kelas tambahan bukan daripada peruntukan Kerajaan. Tetapi telah diminta supaya orang-orang kampung kumpul duit beli zink, beli paku dan ambil chain-saw potong kayu dan bina bangunan secara sendiri, gotong-royong dan derma daripada kampung. Persoalan saya wang yang begitu banyak diperuntukkan untuk pembangunan pendidikan tetapi masih ada tempat seperti Kampung Tibabar, orang-orang

kampung terpaksa bertungkus-lumus, berhempas-pulas untuk membina bangunan sendiri. Dan ada juga kawasan-kawasan lain yang saya tahu, permohonan-permohonan sekolah sampai sekarang belum dibina. Di Kampung Belutuhan misalnya, Sekolah Menengah Belutuhan sudah wujud mahu lebih 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa Yang Berhormat ucapkan itu ialah di bawah detail bukannya atas dasar.

Tuan Henrynus Amin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berucap tentang dasar juga, iaitu dasar Kementerian Pendidikan. Oleh kerana saya lihat Tuan Yang di-Pertua bahawa ada peruntukan yang telah diperuntukkan di dalam supplementary budget ini. Jadi saya bawa perkara ini supaya dasar itu iaitu peruntukan-peruntukan itu akan disalurkan kepada pembangunan-pembangunan pendidikan yang diperlukan seperti bangunan sekolah dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dan hantarlah nama guru besar yang tak ke sekolah dua, tiga bulan itu kepada Kementerian.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Okay, saya akan pergi kepada topik yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Henrynus Amin: Saya juga ingin membahaskan tentang masalah jerebu di negeri Sabah. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, masalah jerebu kini masih menjadi satu masalah yang serius di negeri Sabah. Namun demikian, saya dapati bahawa reaksi kerajaan di negeri Sabah untuk menangani masalah ini tidak begitu memuaskan sehingga selepas Seminar IDS baru-baru ini, saya sungguh malu apabila seorang pegawai 'Kaundrat Edanuer' dari Germany yang menghadiri seminar di IDS beliau mengatakan kalau negeri saya situation seperti ini, we fight this situation but in Sabah they take it easy and they take it with a little bit of humour.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah satu kritikan yang halus bahawa sikap kita yang membiarkan perkara ini menjadi serius baru bertindak dan baru-baru ini, apa yang berlaku kerajaan tidak mempunyai dasar bagaimana menangani masalah ini. Kita kemarau sejak bulan November tetapi bulan April baru kita mempunyai satu dasar untuk meminta orang-orang kampung memadam api.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hairan seolah-olah dalam kita mempunyai kebakaran yang begitu besar, kita mempunyai masalah jerebu misalnya, kita mempunyai masalah kemarau, tidak ada gerakan daripada kerajaan ataupun badan-badan kerajaan ataupun yang saya harap-harapkan daripada civil defence - tidak ada. Hanya pada bulan April baru ada arahan dan saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sipitang, Tuan Yang di-Pertua, beliau mengakui beliau mengatakan tadi bahawa hanya ada *ad hoc* committee, persoalan kita masalah kita sudah tahu sejak bertahun-tahun yang lalu tetapi kerajaan nampaknya tidak ada dasar untuk menangani masalah ini. Ada kelaparan sekarang di negeri Sabah, kerajaan tidak tahu siapa yang kelaparan dan siapa yang terlibat dan sehinggalah Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah menimbulkan persoalan ini dan minggu yang lalu kita telah berdebat tentang istilah kebuluran.

Tuan Yang di-Pertua, saya balik ke Sabah dan saya tanya tentang masalah ini, apa yang dapati di negeri Sabah pada ketika ini mula-mula saya katakan sudah sampai hampir ke tahap kebuluran, saya berani mengatakan di sini sebenarnya kebuluran sudah berlaku, oleh kerana apabila orang kampung sudah kehabisan, bukan lagi kekurangan makanan, sudah habis dan baru-baru ini Yayasan Salam sudah datang membantu dan saya dengar World Vision, satu organisasi NGO juga sudah datang membantu dan saudara Ahli Yang Berhormat dari Bandau sendiri mempunyai usaha tersendiri untuk membantu, kawasan saya pun begitu juga. Persoalan kita di sini dan saya ingin

mencadangkan di sini, saya tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri Sabah ada minta bantuan kewangan dari Kerajaan Persekutuan untuk menangani masalah ini kerana kita dapati di pejabat daerah, kita datang jumpa tanya mereka, apa yang mereka lakukan, mereka mengatakan, I have the machinery but we don't have the money, dengan izin, sebab kita tahu Kerajaan Negeri Sabah pada ketika ini tidak ada wang.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung, Yang Berhormat ya.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, apabila tidak ada wang, mereka tidak dapat membantu. Jadi, kita mintalah, kita mahu mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah, kalau tidak ada wang mengakulah tidak ada wang dan datang kepada Kerajaan Persekutuan minta bantuan kewangan peri kemanusiaan supaya boleh membantu rakyat di negeri Sabah yang sedang menghadapi kebuluran pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, kementerian menjawab.

6.23 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Batang Sadong, Bintulu, Balik Pulau, Parit Sulong, Tambun, Senai, Teluk Intan, Bukit Mas, Kepong, Sipitang, Rompin, Kota Melaka, Kuala Pilah dan akhir sekali dari Kinabalu. Seramai 14 Ahli Yang Berhormat telah pun membincangkan mengenai perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan oleh kerana cuma diberi dua hari sahaja dan ini merupakan hari yang terakhir, saya mohon kepada Tuan Yang di-Pertua agar saya dapat menjawab semua persoalan ini dengan tidak payah diganggu.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan tidak apa?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Dengan tidak payah diganggu - tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Ha, dengan tidak payah diganggu ya. *[Ketawa]* Ini terpulang kepada Yang Berhormat, jikalau sekiranya seseorang yang bangun itu Yang Berhormat kata tidak beri jalan - habislah.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Okay. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun menyatakan di Washington bahawa kegawatan ekonomi di Asia Tenggara dan di ASEAN khususnya memberi kita peluang untuk membetulkan diri kita sendiri. Dan ini merupakan satu reformasi pembersihan diri daripada gejala buruk yang terdapat dalam sistem masing-masing selama ini baik di Jakarta, Bangkok, Kuala Lumpur, Tokyo dan juga di Korea Selatan.

Oleh kerana pembedulan diri ini cara lama yang telah membawa kerosakan kepada negara kita keseluruhannya dan patut kita melihat kembali dan di masa depan supaya dapat kita memperkukuhkan ekonomi kita. Ini kerana bukan semua orang sanggup mengakui kelemahan masing-masing dan kita bangun membetulkan kesalahan tersebut dan kita rasakan dengan adanya muhasabah diri kita sendiri dan pembedulan yang akan kita lakukan daripada apa yang telah diperkatakan di Dewan Rakyat, hendaknya apabila ekonomi negara kita pulih bahawa keajaiban Asia akan kembali terserlah dan lebih mantap lagi dari segi ekonominya.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mengatakan bahawa Laporan IMF menyatakan kebanyakannya permasalahan yang timbul bukannya daripada luar tetapi adalah dari dalam negara kita sendiri dan kita telah pun mengatakan selain daripada reformasi kebersihan diri, kita mengatakan bahawa sehingga kini kerajaan telah memperkenalkan pelbagai peraturan baru di samping meningkatkan aspek-aspek pengawasan dan kawal selia sistem perbankan

dengan mengambil kira prinsip-prinsip yang dicadangkan, dengan izin, oleh Bank of International Settlement (BIS).

Jadi, saya berharap Ahli Yang Berhormat dari Tanjong patut sedar bahawa tanpa langkah-langkah awal yang berkesan yang diambil oleh kerajaan, keupayaan negara untuk menghadapi krisis kewangan akan terjejas. Sekiranya keadaan ini berlaku negara mungkin menghadapi kesan krisis kewangan yang lebih teruk lagi sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa kita sentiasa menghubungi IMF untuk mendapatkan maklumat terkini tentang masalah ekonomi di serantau dan kita masih berupaya bertahan dan tentulah kreditnya harus diberi kepada kerajaan kita yang begitu proaktif. Kita percaya bahawa Ketua Pembangkang tentu tidak bersetuju dengan perkara ini dan menafikannya, tetapi kita berunding dengan IMF sekadar untuk menimba pengalaman mereka mengenai maklumat-maklumat yang terperinci tentang perkembangan serantau dan juga meninjau pandangan-pandangan mereka tentang pengalaman dan langkah-langkah yang perlu diambil tetapi selebih daripada itu kita bebas merangka dasar dan ekonomi kita sendiri. Insya-Allah, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong kita akan dapat mengatasi masalah-masalah IMF ini tidak seperti negara jiran.

Mengenai hedge fund dan juga speculator telah pun diperkatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tempoh hari dan kita fikirkan kenyataan itu salah kerana baru-baru ini sepertimana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam bahawa ASEM di London baru-baru ini buat pertama kalinya satu multi lateral persidangan di antara Eropah dan Asia Timur telah juga bersetuju bahawa perkara-perkara hedge fund dan perkara-perkara speculative ini oleh orang-orang asing berlaku

dan jika orang-orang Eropah menerimanya, saya tidak fikir mengapa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Pulau Pinang sepatutnya lebih menerima perkara ini.

Mengenai air yang telah diperkatakan oleh ramai daripada Ahli Yang Berhormat, ingin saya menjelaskan bahawa di Selangor misalnya kita telah memberikan beberapa zon untuk tadahan air iaitu di Hulu Selangor misalnya, di Semangkuk, Ampang Pechah, Rantau Panjang, Bukit Cherakah, Hulu Gombak, Ampang, Hulu Langat dan pelbagai tempat lagi dan yang keduanya, kita cuba melihat kembali kepada 'non revenue water' ini iaitu apa yang dikatakan 36% daripada air yang ada itu membazir begitu sahaja, seperti juga yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat iaitu paip pecah dan sebagainya. Dan ini telah menimbulkan banyak pembaziran yang berlaku oleh kerana banyak perkara seperti air meresap di bawah tanah kerana penggunaan paip yang lama daripada asbestos dan Kerajaan Negeri Selangor dan juga Kerajaan Persekutuan sedang berusaha supaya paip-paip yang lama ini dapat diganti semula.

Dengan adanya Bekalan Air Sungai Fasa II nanti yang akan dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM1.28 bilion dan peringkat yang pertama telah pun siap pada April 1996 dan kita rasakan bahawa di tempat-tempat yang lain, yang kekurangan air akan dapat kita atasi.

Jadi, kita berharap supaya 36 peratus; pecahan paip bocor 16 peratus; kecurian daripada kawasan setingan 12 peratus; bacaan meter rendah dan meter lama 6 peratus; dan operasi bomba paip cuci kolam 2 peratus. Jadi, kalau dapat pembaziran sebanyak 36 peratus ini dapat kita atasi, maka masalah air akan dapat kita atasi juga.

Di peringkat Persekutuan kita sedang berbincang untuk mengadakan satu lembaga. Ini bukan untuk menarik kuasa daripada kerajaan negeri kerana kita tahu bahawa, tanah, hutan dan juga air di bawah kerajaan negeri, cuma masalah distribusi (distribution) – dengan adanya lembaga yang akan

ditubuhkan kita dapat mengikuti dan mengambil kira masalah distribusi yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Senai.

Yang Berhormat dari Batang Sadong telah mengatakan mengenai Kementerian Pendidikan yang mana Dato' Matnor telah diminta untuk melepaskan jawatan awal daripada masanya dan digantikan dengan Dato' Shukor. Saya minta Timbalan Menteri daripada Kementerian Pendidikan menjawab soalan ini nanti kerana ini perkara yang agak sensitif dan perkara yang baru, jadi dengan adanya jawapan daripada Timbalan Menteri Pendidikan itu akan dapat mengatasi masalah yang timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Bintulu telah pun menyatakan tentang infrastruktur-infrastruktur yang ada di Bintulu, oleh kerana katanya bahawa perkara ini dibangkitkan di peringkat dasar kerana peringkat Jawatankuasa tidak ada, jadi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua Jalan Bintulu-Kidurung dan Jalan Miri-Bintulu merupakan jalan akses kepada kawasan perindustrian. Oleh yang demikian, jalan-jalan tersebut sering terdedah kepada laluan kenderaan yang berat dan penggunaannya sangat tinggi. Yang demikian, kadar kerosakan lebih tinggi daripada jalan-jalan lain. Kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada penyelenggaraan jalan termasuk kedua-dua jalan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Mengenai Jalan Sebiu yang telah rosak, sukacita dimaklumkan bahawa kerosakan tersebut telah diperbaiki dan Kerajaan Persekutuan telah pun menyediakan peruntukan sebanyak RM20 juta hingga RM30 juta setiap tahun bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di peringkat negeri.

Mengenai projek Bakun yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka dan Yang Berhormat dari Bukit Mas, ingin saya nyatakan di sini pada 20 November 1998, kerajaan telah membuat pengumuman bahawa Ekran Berhad tidak lagi berminat untuk meneruskan pelaksanaan projek Bakun ekoran daripada keputusan kerajaan untuk menangguhkan projek ini. Jadi,

sehubungan dengan itu kerajaan telah membuat keputusan supaya Syarikat Menteri Kewangan diperbadankan (MKD) mengambil alih pelaksanaan projek ini daripada Bakun Hydroelectric Corporation Bhd. (BHC) dan meneruskan beberapa komponen projek seperti pembinaan 'river diversion tunnel' dan penempatan semula penduduk di kawasan projek. Ekran Berhad merupakan pemegang saham tersebut 33 peratus dan BHC merupakan pengurus projek pembinaan.

Syarikat Price Waterhouse telah dilantik untuk menjalankan 'due-diligence review' ke atas akaun dan perbelanjaan BHC dan menentukan kaedah pengambilan alih yang paling efektif daripada BHC ini. Hasil siasatan due-diligence daripada Price Waterhouse mendapati bahawa jumlah aset dalam akaun BHC pada 30 November 1997 adalah sebanyak RM770 juta. Liabiliti BHC pula terdiri daripada hutang kepada institusi kewangan sebanyak RM436 juta, hutang kepada Ekran Berhad sebanyak RM210 juta dan hutang kepada Syarikat Dong Ah – kontraktor kepada pembinaan 'river diversion tunnel' sebanyak RM24 juta.

Jemaah menteri dalam mesyuaratnya pada 14 Januari 1998 bersetuju supaya kaedah pengambilan alih projek Bakun ini dibuat melalui aset dan liabiliti dan hanya terhad kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan sahaja dengan projek Bakun seperti Bakun Resort dan kerja-kerja construction.

Oleh yang demikian, dakwaan bahawa kerajaan cuba bail out Ekran Berhad adalah tidak benar dan jumlah pampasan kepada Ekran Berhad hanya dalam lingkungan RM200 juta sahaja. Jumlah ini masih belum muktamad lagi sebab kerja-kerja pengesahan perbelanjaan yang dituntut oleh Ekran Berhad masih belum selesai dilaksanakan oleh Price Waterhouse. Walau bagaimanapun, kerajaan mengakui bahawa Ekran Berhad telah pun mengeluarkan modal untuk melaksanakan projek Bakun sebelum projek tersebut devolve kepada BHC dalam tahun 1996. Oleh itu, kerajaan telah

bersetuju supaya bayaran awal dibuat kepada Ekran Berhad sebanyak RM40 juta dalam bulan Disember 1997 sebelum bayaran pampasan sebenar ditentukan. Jadi, semua bayaran awal dibuat setelah kerajaan dan Ekran Berhad menandatangani satu perjanjian supaya kepentingan kerajaan terbesar segala bayaran awal akan ditolak daripada jumlah keseluruhan pampasan yang akan dikemukakan nanti.

Satu lagi permasalahan yang ditimbulkan dalam perbincangan di antara Ahli Yang Berhormat dari Machang dan juga Tumpat tadi mengenai rescheduling yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun. Ingin saya nyatakan di sini mengenai pembayaran balik hutang Kerajaan Negeri Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan mulai 1990 hingga sekarang ialah sebanyak RM104.15 juta berbanding dengan jumlah yang perlu dibayar balik sebanyak RM396.18 juta iaitu kekurangan sebanyak RM292.02 juta atau 73.71 peratus. Jadi, geran per kapita yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dalam tempoh yang sama pula adalah sebanyak RM86.91 juta iaitu bayaran sepenuhnya yang patut diterima.

Selain daripada geran per kapita, Kerajaan Persekutuan juga telah memberi lain-lain geran kepada Kerajaan Negeri Kelantan seperti geran penyelenggaraan jalan raya sebanyak RM102.02 juta, geran pertambahan hasil sebanyak RM233.62 juta, bayaran perkhidmatan sebanyak RM13.95 juta, pemberian dari Kumpulan Wang Simpanan Negeri sebanyak RM20.30 juta, pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan sebanyak RM189.37 juta, pemberian bagi pembiayai perbelanjaan mengurus bagi jawatan-jawatan di bawah senarai bersama sebanyak RM61.63 juta dan geran tahunan kepada penguasa-penguasa tempatan sebanyak RM82.64 juta. Ini bermakna bagi tempoh 1990 hingga 1997, Kerajaan Persekutuan telah memberi geran kepada Kerajaan Negeri Kelantan sebanyak RM790.45 juta. Jadi, dengan keadaan ini kita berharap

Yang Berhormat dari Tumpat dapat melihat pemberian geran yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Kelantan.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah pun menyatakan tentang ‘speculators’ yang telah pun diperkatakan tadi dan institusi kewangan. Saya tertarik dengan pandangan beliau mengenai proses konsolidasi iaitu rantaian kejejasan penguncupan ekonomi dan beliau menyatakan bahawa kita kena melihat balik sama ada apa yang dikatakan ‘happy balance’ di antara economic growth dan social impact itu patut dilihat semula. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat dari Balik Pulau dan aspek qualitative diambil kira dan kita berharap EPU sekarang ini sedang melihat bahawa segala impact yang telah dibuat bukan sahaja dilihat daripada segi pertumbuhan ekonomi semata-mata tetapi juga kita percaya bahawa social impact analysis akan diambil kira.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong telah mengatakan mengenai, dengan izin, mobilization dan consolidation amat perlu daripada semua rakyat dan kita berharap bahawa penyatuan idea dalam keadaan kegawatan ekonomi seperti sekarang ini perlu konsolidasi dan mobilization of resources dan kita meminta juga ahli-ahli DAP supaya tidak memikirkan hanya keburukan daripada apa yang dilakukan oleh kerajaan dan apa yang dicuba oleh rakyat tetapi melihatnya daripada potensi dan positivenessnya. Saya melihat sekarang ini ramai daripada ahli-ahli DAP hanya memakai kaca mata hitam, jadi memandang semuanya hitam sahaja tetapi kita kerajaan melihat daripada segi kaca mata putih, jadi kita melihat banyak positif daripada negatif yang telah diambil.

Daripada Ahli Yang Berhormat dari Tambum, sektor swasta dan sektor kerajaan kita mengatakan bahawa sektor swasta memainkan peranan yang penting dan daripada NPL yang diperkatakan tadi, kita tahu bahawa NPL yang disebutkan dahulu ialah di antara cuma enam bulan tetapi sekarang apabila NPL itu dipendekkan kepada tiga bulan, maka jumlahnya meningkat.

Pinjaman luar yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi, jumlah pinjaman domestik pada tahun 1997 ialah sebanyak RM421.2 bilion iaitu 160.1 peratus daripada KNK, ini diperkatakan tadi. Tetapi kita lihat Tabung Negara kita ada 40 peratus. Kerajaan Persekutuan sahaja meminjam sebanyak RM4.9 peratus tetapi yang diperkatakan sektor swasta tadi meminjam sebanyak RM23.2 peratus. Jadi oleh kerana sektor swasta meminjam 23.2 peratus, kekuatan ekonomi tentang perimbangan itu berlaku.

Hutang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1997 dalam negeri sebanyak RM29.3% daripada KNK, luar negeri sebanyak 4.9% daripada KNK, dan jumlahnya sebanyak 34.2%. Jadi, dengan adanya saving kita 40% ini merupakan satu perkara yang manageable, tetapi kita hendak minta pihak swasta supaya dapat ia melihat dan mengimbangkan balik kedudukan kewangan pihak swasta, sedangkan pihak kerajaan mempunyai surplus budget. Tetapi mengenai deficit budget yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tambun tadi kita bersetuju dan kita akan melihat kemungkinan adanya defisit budget apabila pada bulan April ini telah beri peruntukan bonus setengah gaji lagi kepada pegawai-pegawai awam.

Mengenai jerebu, kerajaan sentiasa mengambil berat tentang masalah jerebu yang berlaku di negara ini terutamanya di Miri dan beberapa kawasan di Sabah di mana masalah ini adalah serius. Kerajaan juga sedar dan memandang serius kesan jerebu kepada kesihatan orang ramai dan harus ditekankan bahawa pihak kerajaan telah mengambil segala tindakan dan telah menggerakkan agensi-agensi berkaitan untuk menangani masalah jerebu dan mengawal kebakaran yang berada di Sabah. Di Selangor, Yang Berhormat dari Sepang dan juga saya sendiri telah pun pergi ke kawasan tempat terbakar itu, suara jadi serak kerana 'heat'nya lebih. Kita ada 600 pegawai di sana bekerja siang dan malam dan apa yang kita buat sekarang ini ialah kita membanjiri kawasan

berkenaan supaya kebakaran yang berlaku 12 meter di bawah tanah itu dapat dipadamkan. Sekarang keadaan masih terkawal.

Mengenai kebuluran yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Bintulu tadi, daripada maklumat yang saya dapati kebuluran dan bencana sehingga tidak dapat makanan sebagaimana yang didakwa oleh pembangkang tidaklah betul. Hakikat memakan pucuk-pucuk kayu, pucuk ubi dan sebagainya adalah perkara biasa bagi kita. Kita pun tahu kalau orang Melayu memakan pucuk-pucuk ini mendatangkan kesihatan. Namun demikian, tindakan telah diambil untuk membuat pembekalan beras sumbangan orang ramai, ahli perniagaan, badan korporat dan sebagainya. Dalam TV baru-baru ini pun saya nampak Yang Berhormat dari Sipitang ada bersama untuk memberikan makanan kepada orang-orang di tempatnya. Namun demikian, tindakan telah diambil dan ahli perniagaan, badan korporat, badan politik telah pun memberi sumbangan sebagaimana yang dilaporkan dalam surat khabar. Jadi, jumlah keluarga yang terlibat di musim kemarau adalah seperti berikut:-

Kawasan	Jumlah Kampung	Jumlah Keluarga
Keningau	25	625 orang
Suk	41	1,165 orang
Sipitang	9	764 orang
Kudat	275	6,037 orang
Kota Murudu	143	7,137 orang
Pitas	<u>107</u>	<u>2,657 orang</u>
	Jumlah: <u>600</u>	<u>18,405 orang</u>

Walau bagaimanapun, kerajaan telah pun memberikan perkhidmatan dengan memuaskan.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ada yang bangun, Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Satu sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan ini adakah kematian akibat kebuluran di Sabah dan apakah sebab kebuluran berlaku bila kita ada pakar-pakar yang berkaitan dalam hal ini yang dapat mengelak kejadian semacam ini. Kerana saya difahamkan ada ramai orang kampung sedang berhijrah ke pekan-pekan untuk mendapat makanan dan berjalan beberapa hari untuk mendapat makanan dan meminta sedekah di tempat-tempat, di pekan-pekan macam di Tuaran?

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat dari Teluk Intan. Timbalan Menteri Pertanian telah pun menjawab pertanyaan ini. Walau bagaimanapun, kita tahu bahawa orang-orang ini ialah orang-orang yang tinggal di pedalaman dan mereka menjalankan cucuk tanam padi secara membakar dan juga menamam, iaitu padi huma, bukannya padi air. Oleh kerana kemarau perkara ini berlaku. Pada pandangan saya yang saya tahu ini tidak ada lagi social effect seperti diperkatakan oleh DAP bila kemarau ada orang mati dan sebagainya. Jadi, kita tidak nampak banyak yang spirit effect daripada social effect membawa kematian.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat tentang kuil Hindu, kita mengatakan bahawa baru-baru ini, Yang Berhormat pun mengatakan bahawa MIC telah pun cuba menyenaraikan kuil-kuil Hindu yang ada. Dengan adanya penyenaian ini nanti, dapat kita melihat ada kuil-kuil yang ditempatkan di tanah kerajaan, ada kuil-kuil yang ditempatkan di tanah orang perseorangan dan sebagainya. Daripada situ nanti bolehlah kita buat kajian tentang perkara ini. Kementerian Dalam Negeri juga sedang mengikuti masalah Yang Berhormat katakan tentang kejadian yang berlaku di Kampung Rawa, Pulau Pinang.

Mengenai pili bomba dan....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Dia bangun lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah satu jangka masa diberi supaya perkara ini dapat diselesaikan memandangkan nampaknya tidak ada satu polisi nasional dalam perkara ini. Saya telah membangkitkan perkara ini beberapa kali di Dewan ini. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberitahu, adakah jangka masa katakan dalam enam bulan, dalam satu tahun, bila perkara bangkit mengenai kuil Hindu kita akan kaji, kita akan ada forum, tetapi tidak ada tindakan yang tegas diambil dalam perkara ini.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Mengenai perkara agama ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Jadi, kita akan cuba lias dengan kerajaan negeri mengenai perkara ini, tentang jangka masa tidak dapat ditentukan, oleh kerana ini merupakan satu proses yang tedious, dengan izin. Seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan tadi banyak kuil yang kecil, kadang-kadang ada satu tempat terdapat tiga kuil. Jadi, oleh kerana itu, pembancian terpaksa dibuat oleh kerajaan negeri nanti, insya-Allah.

Mengenai Yang Berhormat dari Kota Melaka yang mengatakan bahawa kerajaan telah memotong 18%, tetapi sekarang kita minta pula berjuta-juta ringgit. Ingin saya menyatakan di sini bahawa tambahan yang dibentangkan sekarang ini ialah tambahan untuk tahun 1997. Jadi, potongan sebanyak 18% ialah peruntukan pada tahun 1998. Jadi, dengan itu kita melihat semua fakta yang diberi oleh beliau mengenai PERWAJA dan sebagainya, ini merupakan satu industri yang strategik dan kita berharap nanti seperti mana dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, dengan adanya fakta-fakta yang tepat masalah PERWAJA ini akan dapat diselesaikan dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja yang dapat saya jawab, dan apa-apa yang tidak dijawab, pegawai-pegawai saya akan mencatatkan perkara ini untuk menjadikan dasar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bahawa Usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat ini diedarkan kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan bahawa jumlah wang tambahan sebanyak Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) diperuntukkan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun kewangan 1997, untuk menampung sejumlah Ringgit Malaysia empat ratus lima puluh lima juta, lapan ratus lapan puluh dua ribu, tujuh puluh (RM455,882,070) bagi Maksud-maksud dan Butiran-butiran (Projek-projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 16 Tahun 1998 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud-maksud dan Butiran-butiran

(Projek-projek) dalam ruang kesebelas dan keduabelas penyata tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Kita akan masuk dalam Jawatankuasa pada esok hari. Dengan demikian, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.50 petang.